

**MESYUARAT PENUH MAJLIS
BIL.06/2014
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

**TARIKH : 23 JULAI 2014
MASA : 5.00 PETANG
TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,
TINGKAT 16, MPAJ**

**MESYUARAT PENUH MAJLIS
BIL.06/2014
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

**TARIKH : 23 JULAI 2014
MASA : 5.00 PETANG
TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,
TINGKAT 16, MPAJ**

AGENDA

1. Bacaan Doa.
2. Ucapan Pengerusi.
3. Majlis Pengakuan Menerima Jawatan (Angkat Sumpah) Sebagai Ahli Majlis Sesi 2014-2015.
4. Mengesahan Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bil.05/2014 bertarikh 30 Jun 2014.
5. Pembentangan Kertas Makluman :
 - 5.1. Kertas Cadangan Keahlian Dalam Jawatankuasa Kecil Majlis Untuk Tuan Imran Bin Selamat, Ahli Majlis Bagi Sesi 2014-2015.
 - 5.2. Kertas Perlantikan Ketua Zon Jawatankuasa Penduduk (JKP) Bagi Sesi 2014-2015 Majlis Perbandaran Ampang Jaya.
6. Pembentangan laporan-laporan seperti berikut :-
 - 6.1. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin Bil.05/2014 .
 - 6.2. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran Bil.06/2014.
 - 6.3. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan Bil.05/2014.
 - 6.4. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan Bil.06/2014.
 - 6.5. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam Bil.05/2014.

- 6.6. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)
Bil.11/2014.
- 6.7. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)
Bil.12/2014.
- 7. Ucapan Penangguhan oleh Tuan Ahmad Fauzi Bin Mohd Kamis.
- 8. Penutup.

SULIT

**MESYUARAT PENUH MAJLIS
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA BIL.06/2014**

KANDUNGAN

1. Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bil.05/2014.
2. Pembentangan Kertas Makluman :
 - 5.1. Kertas Cadangan Keahlian Dalam Jawatankuasa Kecil Majlis Untuk Tuan Imran Bin Selamat, Ahli Majlis Bagi Sesi 2014-2015.
 - 5.2. Kertas Perlantikan Ketua Zon Jawatankuasa Penduduk (JKP) Bagi Sesi 2014-2015 Majlis Perbandaran Ampang Jaya.
3. Lampiran-lampiran :-
 - 6.1. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin Bil.05/2014 .
 - 6.2. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran Bil.06/2014.
 - 6.3. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan Bil.05/2014.
 - 6.4. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan Bil.06/2014.
 - 6.5. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam Bil.05/2014.
 - 6.6. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil.11/2014.
 - 6.7. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil.12/2014.

**MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS BIL. 5/2014
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

TARIKH : 30 JUN 2014

MASA : 9.30 PAGI

**TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1
TINGKAT 16, MENARA MPAJ**

KEHADIRAN

- | | | | |
|-----|--|---|-------------|
| 1. | Tn. Hj. Abd. Hamid bin Hussain
Pemangku Yang DiPertua | - | Pengerusi |
| 2. | Tn. Haji Meor Rithuan bin Mohamed Said | - | Ahli Majlis |
| 3. | Tn. Haji Abdul Jalil bin Hasan | - | " |
| 4. | Pn. Wan Hasrina binti Wan Hassan | - | " |
| 5. | Tn. Supiramany a/l Sinnapayal | - | " |
| 6. | Tn. Ahmad Fauzi bin Mohd Kamis | - | " |
| 7. | Tn. Ahmad Sabri bin Abu Bakar | - | " |
| 8. | Tn. Lim Fong Len | - | " |
| 9. | Pn. Sian Keng Eng | - | " |
| 10. | Tn. Ho Ah Ngoh | - | " |
| 11. | Pn. Sharifah Haslizah binti Syed Ariffin | - | " |
| 12. | Tn. Azlan bin Maddin | - | " |
| 13. | Tn. Ramli bin Md Said | - | " |
| 14. | Tn. Dr. Lai Fatt Sian | - | " |
| 15. | Pn. Yogayswari a/p Ramalu | - | " |
| 16. | En. Johari bin Atli
Pemangku Setiausaha | - | Setiausaha |

TIDAR HADIR (DENGAN MAAF)

1. Tn. Mohamad bin Samat
Ahli Majlis MPAJ

TURUT HADIR (DALAMAN)

1. En. Hasrolnizam bin Shaari
Jabatan Kejuruteraan
2. Pn. Maizatul Hanisa binti M. Isa
Jabatan Perbendaharaan
3. Pn. Rosliza binti Mohamad
Jabatan Perancangan Korporat
4. En. Khairilazhar bin Ismail
Jabatan Belia & Masyarakat
5. Pn. Marlina binti Mohamad
Jabatan Pelesenan
6. Pn. Zuraina binti Said
Jabatan Perancang Bandar
7. En. Khairulazmi bin Ab. Rahman
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
8. En. Ahmad Alhairi bin Muhamed Yusuf
Jabatan Bangunan dan Senibina
9. En. Rosli bin Jaafar
Jabatan Penguatkuasa
10. Pn. Lily Hamaddah binti Ramle
Bahagian OSC
11. Puan Mastura binti Ishak
Bahagian Ukur Bahan
12. Pn. Hajah Norhayati binti Ahmad (PRO)
Jabatan Perancangan Korporat
13. Pn. Noor Farahana binti Roselan
Bahagian Audit Dalam

14. En. Ghazali bin Ab. Wahab
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan
15. Cik Norsuriati binti Rosli
Bahagian COB
16. Pn. Noryani binti Roslan - Urusetia
Bahagian Urusetia
17. Pn. Asdayanti binti Abdullah - Urusetia
Bahagian Urusetia

1. BACAAN DOA

Bacaan doa oleh Tuan Haji Abdul Jalil bin Hasan

2. UCAPAN Pengerusi

Tuan Hj. Abd. Hamid bin Hussain, Pemangku Yang Di Pertua selaku Pengerusi mengucapkan salam dan terima kasih kepada semua Ahli Majlis, pengarah-pengarah Jabatan dan pihak media yang hadir ke Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 5/2014 dan seterusnya memaklumkan perkara-perkara berikut:-

- 2.1. Tuan Pengerusi mengambil kesempatan bagi pihak warga MPAJ mengucapkan Selamat Menyambut Bulan Ramadhan yang penuh keberkatan ini dan diharapkan agar ibadah puasa dirahmati Allah s.w.t. Sempena dengan bulan yang mulia ini, dimaklumkan bahawa DYMM Sultan Selangor akan mengadakan Majlis Berbuka Puasa bersama Rakyat dan Penyampaian Sumbangan Hari Raya di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (Masjid Negeri), Shah Alam jam 5.30 petang pada 30 Jun 2014 dan diikuti beberapa Masjid yang dipilih di seluruh Negeri Selangor. Pada tahun ini, tidak ada Masjid dalam kawasan MPAJ dipilih.

- 2.2. Tuan Pengerusi memaklumkan pada 12 Jun 2014, Penyata Kewangan Majlis telah disemak dan diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 oleh Ketua Audit Negara. Penyata Kewangan Majlis telah memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Majlis Perbandaran Ampang Jaya pada 31 Disember 2013 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia. Oleh yang demikian, Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Ampang Jaya telah berjaya memperolehi Sijil Bersih iaitu Sijil Ketua Audit Negara Tanpa Berteguran. MPAJ telah mendapat Sijil Bersih yang pertama pada tahun 2001 dan mengekalkan 10 tahun berturut-turut daripada tahun 2004 sehingga kini. Beliau mengucapkan tahniah kepada semua warga MPAJ dan semua yang terlibat serta berharap agar Sijil Bersih dapat dikekalkan untuk masa-masa yang akan datang.
- 2.3. Tuan Pengerusi memaklumkan bil cukai taksiran untuk penggal kedua (Julai sehingga Disember 2014) telah diedar dan diterima oleh orang awam. Sehubungan itu, beliau menyeru orang awam agar membayar cukai seawal mungkin bagi mengelakkan tindakan penguatkuasaan. Usaha-usaha untuk mempertingkatkan kutipan cukai taksiran semasa dan tunggakan dilaksanakan oleh MPAJ dan menetapkan pelan tindakan seperti berikut:

1. Pelaksanaan kaunter bergerak mengikut zon Ampang dan zon Hulu Kelang.
 2. Pembukaan kaunter Menara MPAJ dan Pejabat Cawangan Melawati pada setiap Sabtu pada bulan Januari, Februari, Julai, Ogos dan Disember serta setiap Ahad di Menara MPAJ sahaja pada bulan Februari dan Ogos setiap tahun.
 3. Pembukaan kaunter di pasaraya sekitar Ampang Jaya pada 15 Februari sehingga 28/29 Februari dan 15 Ogos sehingga 31 Ogos setiap tahun untuk kemudahan orang ramai di luar waktu pejabat.
 4. Penyediaan mesin pembayaran dan semakan cukai taksiran 24 jam (kiosk) di Menara MPAJ dan pembayaran secara eBanking melalui bank yang telah dilantik oleh Majlis.
 5. Menubuhkan unit Taskforce Tunggakan Cukai Taksiran yang berfungsi untuk memantau serta membuat tuntutan tunggakan Cukai Taksiran ke atas pemilik individu dan syarikat tegar.
 6. Menyenaraikan pemilik tegar yang gagal menjelaskan tunggakan Cukai Taksiran melalui perkhidmatan Convergent Technologies Operating System (CTOS).
 7. Mendapatkan perintah mahkamah dan memasukkan kaveat pendaftar bagi proses lelongan di bawah seksyen 151, Akta Kerajaan Tempatan 1976.
- 2.4. Tuan Pengerusi turut memaklumkan kes demam denggi dilaporkan meningkat di kawasan MPAJ di mana terdapat sebanyak 1740 kes sejak minggu Epid 1 sehingga minggu Epid

22 (31 Mei 2014) dan 7 demam denggi berdarah dicatatkan.

Enam lokasi wabak yang tidak terkawal dikenalpasti iaitu:

1. Taman Melawati (Taman Melawati A) Episod 3
2. Pandan Indah (Granduer Tower) Episode 2
3. Pandan Mewah (Flat A7 – 12) Episod 2
4. Taman Cheras Hartamas (Pangsapuri Cenggal) Episod 1
5. Taman Dato' Ahmad Razali (Permai Putra) Episod 1
6. Taman Ukay Bistari (Appt Residensi Bistaria) Episod 3

Untu makluman sebanyak 60 aktiviti berkaitan pencegahan denggi seperti gotong royong, taklimat, ceramah, program COMBI, pameran dan operasi penguatkuasaan telah dijalankan sejak Januari hingga 30 April 2014 dan usaha-usaha ini akan diteruskan untuk mengurangkan kes denggi ini. Penduduk disarankan untuk memberi perhatian terhadap isu ini serta digesa membentuk pasukan COMBI/skuad denggi bagi mengaktifkan aktiviti cegah denggi di kalangan penduduk.

- 2.5. Tuan Pengerusi memaklumkan berkenaan Garis Panduan Penggredan Premis Makanan yang baru di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Selangor yang telah diluluskan. Tujuan garis panduan ialah untuk digunapakai oleh Pegawai Pemeriksa di PBT yang terdiri daripada Pegawai Kesihatan Persekitaran (PKP) atau Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran (PPKP). Kriteria dan penarafan premis makanan seperti berikut:

- | | | | |
|----|----------------------|---|------------|
| 1. | Gred A (Amat Bersih) | - | 86% - 100% |
| 2. | Gred B (Bersih) | - | 71% - 85% |

3. Gred C (Kurang Bersih) - 51% - 70%

Sijil penarafan GRED yang diberikan kepada pengusaha premis makanan hendaklah dipamerkan di premis-premis makanan untuk pengetahuan dan makluman orang ramai. Kegagalan pihak pengusaha dan pengendali makanan untuk mempamerkan sijil ini boleh menyebabkan tindakan sewajarnya diambil oleh pihak Majlis selaras dengan undang-undang kecil serta syarat-syarat pelesenan yang ditetapkan.

Penarafan GRED boleh ditarik balik oleh pihak Majlis pada bila-bila masa jika pengusaha premis gagal mematuhi atau melanggar mana-mana syarat pelesenan PBT. Oleh yang demikian, pengusaha premis makanan disarankan agar menjaga kebersihan premis dengan sebaik mungkin bagi mengelakkan masalah-masalah pada masa akan datang.

- 2.6. Tuan Pengerusi seterusnya memaklumkan berkenaan Projek Pembinaan Padang Cergas. Buat masa ini, MPAJ sedang membina dua padang cergas di Dun Hulu Kelang dan Dun Cempaka iaitu di:

1. Padang Permainan di Jalan J10, Taman Melawati.
2. Padang Permainan di Persiaran Pandan 3, Taman Pandan Jaya.

Untuk makluman semua, tiga lagi projek padang cergas dirancang akan diusahakan untuk diadakan pada tahun 2014 ini seperti di Dun Bukit Antarabangsa, Dun Lembah Jaya, dan juga Dun Teratai.

- 2.7. Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa pengurusan pasar malam dan pasar pagi telah diuruskan sepenuhnya oleh pentadbiran MPAJ. MPAJ telah mula membuat pengambilalihan sepenuhnya pengurusan dan penyelenggaraan pasar malam bermula 1 Jun 2014. Terdapat 27 lokasi pasar malam dan mempunyai 34 kali kekerapan seminggu. Semua penjaja pasar malam dikehendaki membayar lesen RM48.00 setahun bagi satu lokasi dan dikenakan sewa petak RM4.00 bagi satu lokasi. Pembersihan diuruskan oleh kontraktor pembersihan kawasan.
- 2.8. Akhir sekali, untuk makluman semua, sepanjang bulan Ramadhan ini, MPAJ telah memperuntukan sebanyak 21 lokasi Bazar Ramadhan dalam kawasan pentadbiran MPAJ dengan keseluruhan jumlah petak sebanyak 1401. Jumlah petak dibahagi kepada 6 lokasi iaitu :
- | | | | |
|----|------------------------------------|---|-----------|
| 1. | Pandan Indah | - | 217 petak |
| 2. | Taman Melawati (Jalan Melawati A)- | | 140 petak |
| 3. | Kompleks Muhibbah Taman Nirwana- | | 120 petak |
| 4. | Taman Sri Melor | - | 200 petak |
| 5. | Bandar Baru Ampang | - | 130 petak |
| 6. | Taman Bukit Indah | - | 100 petak |

Beliau berharap agar peniaga pasar juadah dapat menjaga kebersihan makanan dan kebersihan kawasan serta tidak mendatangkan masalah kepada pembeli. Pihak Majlis dan juga pihak kesihatan akan melakukan pemeriksaan dan pemantauan berterusan terutamanya dari segi kebersihan, halangan lalulintas dan juga peniaga tanpa lesen. Peniaga juga diminta untuk tidak memulakan perniagaan sebelum jam

tiga petang bagi mengelakkan pengguna membeli makanan tengahari sepanjang bulan Ramadhan ini.

3. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT BIL. 4/2014

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 4/2014 bertarikh 26 Mei 2014 disahkan tanpa pindaan. Minit mesyuarat dicadangkan disahkan oleh Tuan Azlan bin Maddin dan disokong oleh Tuan Dr Lai Fatt Sian.

4. PERKARA BERBANGKIT

Tiada

5. PEMBENTANGAN KERTAS

5.1. KERTAS MAKLUMAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN KORPORAT (JKAPK) MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA BIL. 1/2014

Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 5/2014 menerima dan mengambil maklum Minit Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat (JKAPK) Majlis Perbandaran Ampang Jaya Bil. 1/2014 yang telah diadakan pada 18 Jun 2014.

MAKLUMAN

6. PERTIMBANGAN LAPORAN

6.1. LAPORAN JAWATANKUASA KESIHATAN, ALAM SEKITAR DAN KEMASYARAKATAN

Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 5/2014 bertarikh 30 Jun 2014 telah meluluskan dan mengesahkan Laporan Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan Bil. 4/2014 yang telah diadakan pada 16 Jun 2014 dengan tambahan seperti

di bawah. Laporan Jawatankuasa dicadang disahkan oleh Tuan Haji Abdul Jalil bin Hasan dan disokong oleh Puan Sian Keng Eng.

6.1.1. PERUMAHAN BERSTRATA

Bahagian COB diminta untuk menyediakan satu laporan berkenaan penubuhan dan permasalahan yang dihadapi oleh pihak JMB di kawasan perumahan berstrata.

MAKLUMAN

6.2. LAPORAN JAWATANKUASA KEWANGAN DAN TAKSIRAN

Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 5/2014 bertarikh 30 Jun 2014 meluluskan dan mengesahkan Laporan Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran Bil. 5/2014 yang telah diadakan pada 18 Jun 2014 tanpa pindaan. Laporan Jawatankuasa dicadang disahkan oleh Tuan Azlan bin Maddin dan disokong oleh Tuan Hj. Meor Rithuan bin Mohamed Said.

MAKLUMAN

6.3. LAPORAN JAWATANKUASA PERUMAHAN, PENGURUSAN BANGUNAN DAN BINAAN TANPA IZIN

Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 5/2014 bertarikh 30 Jun 2014 telah meluluskan dan mengesahkan Laporan Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin Bil. 4/2014 yang telah diadakan pada 20 Jun 2014 tanpa pindaan. Laporan Jawatankuasa dicadang disahkan oleh Puan Sian Keng Eng dan disokong oleh Tuan Lim Fong Len.

MAKLUMAN

6.4. LAPORAN JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN AWAM

Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 5/2014 bertarikh 30 Jun 2014 telah meluluskan dan mengesahkan Laporan Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam Bil. 4/2014 yang telah diadakan pada 17 Jun 2014 dengan pindaan seperti di bawah. Laporan Jawatankuasa dicadang disahkan oleh Tuan Supiramanya a/l Sinnapayal dan disokong oleh Puan Yogayswari a/p Ramalu.

6.4.1. Pindaan di Perkara 2.37 di muka surat 121

2.37. Cantasan Pokok

Kerja-kerja cantasan pokok di lokasi berikut telah dilaksanakan **dipinda kepada** belum dilaksanakan.

- i. Pokok-pokok dan tumbuhan di sepanjang Jalan Bukit Segar Jaya di mana dahan pokok condong ke tengah jalan.
- ii. Pokok di Jalan Cheras Hartamas berdekatan Pangsapuri Kempas telah tumbuh di lorong jalan sebelah kiri.
- iii. Pokok Palma yang tinggi di Taman Bukit Segar Jaya 1.

MAKLUMAN

6.5. LAPORAN JAWATANKUASA PELESENAN DAN PEMBANGUNAN USAHAWAN

Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 5/2014 bertarikh 30 Jun 2014 telah meluluskan dan mengesahkan Laporan Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan Bil. 5/2014 yang telah diadakan pada 24 Jun 2014 tanpa pindaan. Laporan Jawatankuasa dicadang disahkan oleh Tuan Azlan bin Maddin dan disokong oleh Tuan Ahmad Fauzi bin Mohd Kamis.

MAKLUMAN**6.6. LAPORAN JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC)**

Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 5/2014 bertarikh 30 Jun 2014 telah mengambil maklum dan menerima laporan Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 9/2014 dan bil. 10/2014 bertarikh 13 Jun 2014 dan 23 Jun 2014.

MAKLUMAN**7. UCAPAN PENANGGUHAN OLEH TUAN SUPIRAMANY A/L SINNAPAYAL**

Tuan Supiramany a/l Sinnapayal mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk menyampaikan ucapan penangguhan pada Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 5/2014.

Dalam ucapannya, beliau merakamkan setinggi terima kasih kepada Kerajaan Negeri, pengurusan MPAJ dan rakan-rakan Ahli Majlis kerana menghulurkan kerjasama sejak perlantikan beliau sebagai Ahli Majlis di MPAJ. Beliau turut mengucapkan setinggi penghargaan kepada MPAJ di atas kejayaan Penganugerahan

Perkhidmatan 4 Bintang tahun 2013. Semoga kejayaan ini dapat dipertingkatkan dari masa ke semasa. Beliau turut mengambil kesempatan mengucapkan Selamat Menyambut Bulan Ramadhan kepada semua yang beragama Islam.

Dalam ucapannya, beliau mencadangkan beberapa perkara sebagai penambahbaikan kepada MPAJ, antaranya :-

1. Beliau memaklumkan sering terdapat runggaran masyarakat berhubung sampah tidak dipungut mengikut jadual. Sehubungan itu, beliau mencadangkan :
 - i. Kerja-kerja pembersihan dilakukan oleh pekerja MPAJ sendiri seperti yang dipraktikan oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP).
 - ii. Lawatan sambil belajar ke Majlis Perbandaran Pulau Pinang.
 - iii. Mengimplementasi 'monitoring system' terhadap lori sampah dengan menggunakan teknologi GPS dan kegunaan smartphone untuk setiap lori kontraktor bagi memantau progres tugas mereka dan kedudukan lori sampah. Ini bagi memastikan perkhidmatan kerja-kerja pembersihan dijalankan mengikut jadual masing-masing.
 - iv. Mengkaji semula kontrak pembersihan terutama dari segi harga yang ditawarkan.

2. Beliau juga menyarankan supaya Majlis dapat meningkatkan kesedaran masyarakat akan pentingnya menjaga kebersihan sekitar bagi mengelakkan pembiakan aedes dan sebagainya.
3. Mengadakan kawalan keselamatan melalui sistem Polis, JKP, JKKK, Pengerusi Persatuan Penduduk, PIBG dan orang-orang awam. Beliau memohon kawalan keselamatan ini disegerakan seperti yang telah dilaksanakan di MBPJ dan MPSJ dan hasilnya di MBPJ kadar jenayah dapat diturunkan kepada 18% untuk jenayah indeks keseluruhan.
4. Mempercepatkan proses pelaksanaan kerja di mana diharap 'respond time' terhadap aduan yang telah dilaporkan dapat diselesaikan dalam masa yang paling singkat.
5. Perkhidmatan bas percuma untuk kemudahan awam seperti yang dilaksanakan di MBPJ dan MPSJ.
6. Cadangan supaya menubuhkan semula Jabatan Landskap untuk semua urusan Projek Hijau terutamanya cantasan pokok di seluruh kawasan MPAJ. Beliau harap MPAJ akan menjadi sebuah PBT yang ECO GREEN.
7. Mempergiatkan lagi program gotong royong bagi menyelesaikan masalah penyakit denggi yang semakin teruk dan tidak terkawal.
8. Berhubung dengan masalah kekurangan air, beliau berharap Kerajaan Selangor dan PBT dapat mencari jalan penyelesaian untuk mengelakkan ia berlaku masalah kekurangan air.

9. Imej kakitangan terutamanya yang di`frontline' perkhidmatan adalah sangat penting dan berharap perkhidmatan MPAJ adalah mesra rakyat.

Beliau mengakhiri ucapan beliau dengan serangkap pantun:

Pisang Emas Di Atas Pagar
Masak Sebiju Di Atas Peti
Saya Di Sini Masih Belajar
Jikalau Tersilap Jangan Simpan Di Hati

8. PENUTUP

Tuan Pengerusi mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada 12.30 tengahari.

Disediakan oleh:-

Urusetia Mesyuarat

Bahagian Urusetia
Majlis Perbandaran Ampang Jaya

Minit Mesyuarat telah disyorkan untuk disahkan oleh

.....dan disokong oleh

(HAJI ABD. HAMID BIN HUSSAIN)

Pengerusi Mesyuarat
Majlis Perbandaran Ampang Jaya

**5.1.
KERTAS CADANGAN KEAHLIAN DALAM
JAWATANKUASA KECIL MAJLIS UNTUK TUAN
IMRAN BIN SELAMAT, AHLI MAJLIS BAGI
SESI 2014-2015**

**KERTAS UNTUK MAKLUMAN
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL.6/2014**

**KERTAS CADANGAN KEAHLIAN DALAM
JAWATANKUASA KECIL MAJLIS
UNTUK TUAN IMRAN BIN SELAMAT, AHLI MAJLIS
BAGI SESI 2014/2015**

1. TUJUAN

Kertas ini bertujuan untuk membentangkan dan mendapat persetujuan Majlis berhubung keahlian dalam Jawatankuasa Kecil Majlis untuk Tuan Imran bin Selamat.

2. LATAR BELAKANG

2.1. Tuan Imran bin Selamat telah dilantik sebagai Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Ampang Jaya bagi tempoh 14 Julai 2014 sehingga 31 Disember 2015 dan membuat pengakuan jawatan (angkat sumpah) sebagai Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Ampang Jaya bagi sesi 2014/2015 selaras dengan peruntukan Seksyen 11, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) pada 23 Julai 2014.

3. ASAS PERTIMBANGAN

3.1. Mengikut Seksyen 28, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)

Tiap-tiap pihak berkuasa tempatan boleh dari semasa ke semasa melantik jawatankuasa-jawatankuasa, sama ada dari jenis am atau khas, terdiri daripada seorang pengerusi dan sesuatu bilangan Ahli Majlis dan beberapa orang lain

sebagaimana yang difikirkan patut oleh Pihak Berkuasa Tempatan itu akan lebih sesuai dijalankan dengan cara suatu jawatankuasa apa-apa kuasa yang difikirkannya patut melainkan kuasa untuk mendapatkan Wang melalui kadar pinjaman, dan boleh menetapkan kuoram bagi mana-mana jawatankuasa itu.

3.2. Mesyuarat Jawatankuasa Majlis pada masa ini adalah seperti berikut :

- a) Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin.
- b) Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam.
- c) Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan.
- d) Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran.
- e) Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan.
- f) Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC).
- g) Mesyuarat Jawatankuasa Sebutharga dan Tender.
- h) Mesyuarat Jawatankuasa Perjawatan dan Pembangunan Modal Insan.
- i) Mesyuarat Jawatankuasa Lembaga Tatatertib.

4. SYOR

Disyorkan Tuan Imran bin Selamat menganggotai Jawatankuasa Kecil Majlis seperti berikut selaras dengan kehendak Akta Kerajaan Tempatan iaitu:-

- 4.1. Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan
- 4.2. Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin
- 4.3. Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan

5. PENUTUP

Mesyuarat Majlis adalah dipohon untuk menimbang dan meluluskan keahlian Tuan Imran bin Selamat, Ahli Majlis dalam Jawatankuasa Kecil Majlis seperti di para 4 di atas.

Disediakan oleh:-

Bahagian Urusetia
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Perbandaran Ampang Jaya

5.2.

**KERTAS PERLANTIKAN KETUA ZON JAWATANKUASA
PENDUDUK (JKP) BAGI SESI 2014-2015
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

**KERTAS UNTUK MAKLUMAN
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL.6/2014**

**KERTAS PERLANTIKAN KETUA ZON JAWATANKUASA PENDUDUK
(JKP) BAGI SESI 2014/2015
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

JABATAN BELIA DAN MASYARAKAT

1. TUJUAN

Kertas perlantikan ketua Zon 13 Jawatankuasa Penduduk (JKP) bagi sesi 2014/2015 dikemukakan untuk perbincangan, pertimbangan dan kelulusan Mesyuarat Penuh.

2. LATARBELAKANG

2.1 Melalui Majlis Pengakuan Menerima Jawatan (Angkat Sumpah) sebagai Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) sesi 2014/2015 pada 20 Februari 2014 telah meluluskan senarai nama seramai 15 Ahli Majlis.

2.2 Melalui mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam sekitar dan Kemasyarakatan bil 2/2014 dan Mesyuarat Penuh bil 2/2014 telah bersetuju melantik 15 Ahli Majlis sebagai ketua Zon JKP bagi kawasan masing-masing dan 9 Ahli Majlis memangku.

2.3 Melalui surat daripada Kerajaan Negeri Selangor bertarikh 11 Julai 2014 telah melantik Tuan Imran Bin Selamat sebagai Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Ampang Jaya berkuatkuasa pada 14 Julai 2014 hingga 31 Disember 2015.

3. ASAS PERTIMBANGAN

Keputusan Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan Negeri Selangor bil 3/2008 menyatakan bahawa JKP akan diketuai oleh seorang Ahli Majlis dan setiap Ahli Majlis dikehendaki menubuhkan Jawatankuasa Penduduk masing-masing.

4. SYOR

- 4.1 Disyorkan Tuan Imran Bin Selamat dilantik sebagai Ketua Zon 13 Jawatankuasa Penduduk (JKP) MPAJ meliputi kawasan Dun Lembah Jaya. Senarai nama kawasan, Pengerusi Pengerak Belia Tempatan (PeBT) dan Pegawai Majlis (LO) adalah seperti di **lampiran 1**.
- 4.2 Disyorkan pemangku Ketua JKP Zon 13 sebelum ini iaitu Pn. Sharifah Haslizah Bt Syed Ariffin di tamatkan jawatan sebagai pemangku Ketua JKP Zon 13 mulai dari tarikh 22 Julai 2014.

5. PENUTUP

Kertas ini dikemukakan untuk pertimbangan dan kelulusan.

Disediakan oleh:

EN. ZULHAFIZI BIN KAMARUZAMAN
Penolong Pegawai Tadbir
Jabatan Belia Dan Masyarakat
Majlis Perbandaran Ampang Jaya

Disemak oleh:

EN. KHAIRIL AZHAR B ISMAIL
Pengarah
Jabatan Belia Dan Masyarakat
Majlis Perbandaran Ampang Jaya

LAMPIRAN 1

DUN	ZON	SENARAI TAMAN	AHLI MAJLIS/ KETUA ZON JKP	PENGERUSI PENERAK BELIA TEMPATAN (PeBT)	PEGAWAI MAJLIS (LO)
LEMBAH JAYA	13	TAMAN TASIK TAMBAHAN TAMAN SRI BAYU TAMAN PERMAI JAYA TAMAN INDAH JAYA TAMAN BUKIT AMPANG PERMAI KAMPUNG TASIK PERMAI TAMAN FAIRUZA KAMPUNG AMPANG INDAH PERMAI	PN. SHARIFAH HASLIZAH BT SYED ARIFFIN (MEMANGKU JKP ZON 13) DISYORKAN TUAN IMRAN BIN SELAMAT 790830-14-5751	HISHAM BIN ROSLAN 860624-49-5205 019-2702852	EN. AZLI BIN OTHMAN JAB PERANCANG BANDAR 03-42971353 019-2710831

6.1.

**LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA
PERUMAHAN, PENGURUSAN BANGUNAN
DAN BINAAN TANPA IZIN BIL.5/2014**

**MESYUARAT JAWATANKUASA PERUMAHAN, PENGURUSAN
BANGUNAN DAN BINAAN TANPA IZIN
BIL.5/2014
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

TARIKH : 9 JULAI 2014

MASA : 2.30 PETANG - 3.35 PETANG

**TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,
TINGKAT 16, MENARA MPAJ**

KEHADIRAN

- | | | | |
|-----|--|---|------------------------|
| 1. | Tn. Abd. Hamid Bin Hussain
(Pemangku YDP, MPAJ) | - | Pengerusi |
| 2. | Tn. Ahmad Fauzi Bin Mohd Kamis | - | Ahli Majlis |
| 3. | Tn. Ahmad Sabri Bin Abu Bakar | - | " |
| 4. | Tn. Lim Fong Len | - | " |
| 5. | Tn. Ho Ah Ngoh @ Ho Tze Long | - | " |
| 6. | Pn. Yogayswari a/p Ramalu | - | " |
| 7. | Tn. Ramli Bin Md. Said | - | " |
| 8. | Tn. Dr. Lai Fatt Sian | - | " |
| 9. | Pn. Sharifah Haslizah Binti Syed Ariffin | - | " |
| 10. | Tn. Johari Bin Atli | - | Pemangku
Setiausaha |

**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL.6/2014**

**LAPORAN JAWATANKUASA PERUMAHAN, PENGURUSAN
BANGUNAN DAN BINAAN TANPA IZIN**

1. TUJUAN

Kertas ini dibentangkan bertujuan untuk mendapat pengesahan Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin.

2. LATARBELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin Bil. 5/2014 telah diadakan pada 9 Julai 2014 membincangkan serta memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

2.1 BINAAN RUMAH TANPA KEBENARAN MAJLIS DI JALAN A KG PANDAN (NO.68, JALAN KEMAJUAN A, KG PANDAN BERHADAPAN KLINIK KESIHATAN DAN PERGIGIAN)

Mesyuarat dimaklumkan, pihak Jabatan akan menetapkan tempoh sehingga Ogos 2014 untuk pemohon mengemukakan pelan bangunan.

Tindakan :

Jabatan Bangunan & Senibina

**2.2 BINAAN TANPA KEBENARAN DI BAWAH REZAB TALIAN RENTIS
TNB DARI KG PANDAN KE KG TASEK PERMAI**

Mesyuarat dimaklumkan, perobohan binaan tanpa kebenaran diuruskan oleh pihak TNB sendiri.

Tindakan:

Jabatan Perancang Bandar

**2.3 TAPAK KEDIAMAN DIJADIKAN TEMPAT MENJUAL KERETA
TERPAKAI DI LORONG JALAN F KG PANDAN**

Mesyuarat dimaklumkan, tarikh sebutan kes pertama telah ditetapkan pada 2 Oktober 2014.

Tindakan:

Jabatan Undang-Undang

**2.4 PEMBINAAN DI CERUN DI LOT 153, LORONG 8, KG TASIK
PERMAI**

Mesyuarat dimaklumkan, perbincangan bersama pemilik telah diadakan pada 9 Julai 2014. Struktur tembok penahan telah siap dibina di dalam lot pemilik. Pihak jabatan akan mengenakan denda serta surat aku janji struktur daripada pemilik memandangkan tiada aduan diterima.

Tindakan :

Jabatan Bangunan & Senibina

2.5 GERAJ TOMYAM DAN GERAJ BURGER DI BAHU JALAN F KG PANDAN

Mesyuarat dimaklumkan, hasil perbincangan bersama ADO (Pegawai Unit Penguatkuasa) Notis 425 KTN dijangka akan dikeluarkan pada 11 Julai 2014 bagi tapak nursery dan gerai tomyam di tapak yang dimaksudkan. Notis 425 KTN pernah dikeluarkan sebelum ini dan pengusaha kedai makan telah meminta penangguhan untuk tindakan roboh. Perbincangan bersama MPAJ, Ahli Majlis dan YB kawasan juga telah bersetuju untuk tindakan perobohan yang akan dilaksanakan selepas 3 Ogos 2014.

Tindakan :

Pejabat Tanah Hulu Langat

2.6 ISU PENEROKAAN DAN PENAMBAKKAN KAWASAN LAPANG DI JALAN 2/1 DAN 2/1B TASEK TAMBAHAN

Wakil PTD Hulu Langat memaklumkan bahawa isu di kawasan lapang di Jalan 2/1 dan 2/1B di Tasek Tambahan akan disemak semula samada telah dikeluarkan Notis 425 KTN atau belum. Tindakan selanjutnya akan dimaklumkan dalam masa terdekat.

Tindakan :

PTD Hulu Langat

2.7 STATUS BINAAN DI ATAS LOT-LOT PERSENDIRIAN DI JALAN MERDEKA (KAWASAN PERUMAHAN BARU DI SEBELAH SEK.MEN. BANDAR BARU AMPANG)

Mesyuarat dimaklumkan, hasil lawatan tapak pada 7 Julai 2014 mendapati tapak adalah zon perniagaan mengikut Rancangan Tempatan MPAJ (BPK 2.2). Terdapat 53 lot yang mengandungi bengkel kereta, kedai 'hardware', used car, kedai runcit, barang terpakai dan kediaman di tapak tersebut. Pihak jabatan masih dalam tindakan penyelarasan.

Tindakan :
Jabatan Perancang Bandar

2.8 RUMAH NO. 2, JALAN 9, TAMAN PUTRA DIJADIKAN STOR

Mesyuarat dimaklumkan, tarikh sebutan kes pertama telah ditetapkan pada 2 Oktober 2014.

Tindakan :
Jabatan Undang-undang

2.9 5 KELUARGA MYANMAR DI KAWASAN BINAAN TANPA IZIN DI BAWAH RINTISAN TNB DI PANDAN JAYA UTARA

Mesyuarat dimaklumkan, isu ini masih dalam tindakan TNB. Sehingga kini pihak jabatan masih menunggu maklumbalas daripada pihak TNB.

Tindakan :
Jabatan Perancang Bandar

2.10 AKTIVITI KILANG HARAM DI JALAN TERATAI 1/9B, TAMAN BUKIT TERATAI

Mesyuarat dimaklumkan, tindakan perobohan telah dilaksanakan pada 17 Jun 2014 dan masih dalam tindakan pembersihan dan penanaman pokok.

Tindakan :

**Jabatan Belia & Masyarakat/
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

2.11 GANTIAN SURAU BARU DI LORONG PANDAN TAMBAHAN 1 YANG DIROBOHKAN UNTUK PROJEK SRI PINANG VILLA

Mesyuarat dimaklumkan, hasil lawatan tapak pada 3 Julai 2014 mendapati kerja-kerja pembinaan surau telah dimulakan. Pemaju memaklumkan penduduk setempat membina sendiri surau tersebut.

Tindakan :

Jabatan Perancang Bandar

2.12 GERAJ MAKAN DI DALAM KAWASAN FLAT SERI DAGANG, TAMAN DAGANG (SEBELAH DEWAN ORANG RAMAI)

Mesyuarat dimaklumkan, pihak jabatan dalam proses penyediaan kertas kerja untuk dibentangkan dalam Mesyuarat MTES.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

2.13 AKTIVITI DI BAWAH 'FLYOVER' KG PANDAN

Mesyuarat dimaklumkan, pihak jabatan telah menawarkan kepada penjaja di bawah 'flyover' ke Medan Selera Angsana Hilir dan masih lagi menunggu maklum balas penerimaan.

Tindakan :

Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta

2.14 UBAHSUAI DALAMAN DI KETAPANG VILLA, TAMAN NIRWANA

Mesyuarat bersama pemaju Sri Seltra telah diadakan pada 2 Julai 2014. Pemaju telah bersetuju menanggalkan serta mengembalikan kepada keadaan asal. Pihak jabatan memberi tempoh 3 bulan sehingga September ini untuk pihak pemaju menyelesaikan isu ini.

Tindakan :

Jabatan Bangunan & Senibina

2.15 STATUS PEMBINAAN BANGUNAN DI PERSIMPANGAN ANTARA JALAN INDAH 1 DAN JALAN INDAH 8, KG AMPANG INDAH

Mesyuarat dimaklumkan, kompaun telah dijelaskan oleh pemilik rumah sebanyak RM1,000.00 pada 25 Jun 2014.

Makluman

2.16 CADANGAN MEMBINA PASAR, PARKING DAN KONDOMINIUM BERTINGKAT

Mesyuarat dimaklumkan, perbincangan bersama pemaju Metroplex telah diadakan pada 28 Mei 2014. Walau bagaimanapun, tapak tersebut telah dimiliki oleh pemilik baru iaitu Newday Frontier No.PT bagi tapak tersebut adalah PT 15215 manakala tapak bersebelahan (tapak BOT) adalah tanah kerajaan. Pemilik baru tersebut perlu memohon tanah kerajaan bersebelahan dan membuat cantuman sebelum membangunkan kedua-dua tapak tersebut.

Tn. Lim Fong Len mencadangkan agar Jabatan Perancang Bandar mengadakan satu mesyuarat bersama YB Tiew Way Keng bagi membincangkan isu tapak tersebut untuk dibangunkan sebagai pasar dan tempat letak kereta.

Tindakan :

Jabatan Perancang Bandar

2.17 PENAMBAHAN DI BAHAGIAN BELAKANG GERAJ PLB, TAMAN SRI RAYA

Mesyuarat dimaklumkan, pihak jabatan dalam proses penyelarasan semua gerai PLB dan akan selesai dalam bulan Ogos 2014.

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaraan & Kesihatan

2.18 KES BINAAN RUMAH YANG TIADA ANJAKAN DI BAYU MAS

Mesyuarat dimaklumkan, kompaun maksimum berjumlah RM 12,500.00 telah ditawarkan kepada pemilik rumah dan pemilik rumah telah mengemukakan rayuan. Pihak Jabatan akan memaklumkan justifikasi mengenakan kompaun maksimum yang dikenakan kepada pemilik tersebut.

Tindakan :

Jabatan Undang-undang

2.19 STATUS PEMBINAAN DEWAN DI PADANG TAMAN DAGANG FASA 2A

Mesyuarat dimaklumkan, pihak jabatan telah membuat semakan dan notis pengosongan telah dikeluarkan dalam tempoh 14 hari. Tindakan perobohan akan dilaksanakan selepas Hari Raya Aidilfitri.

Tindakan :

Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta

2.20 STATUS GERAJ MAKANAN DI JALAN BUNGA MAWAR 2, JALAN BUNGA TANJUNG 10 DAN 10A, TAMAN MUDA

Mesyuarat dimaklumkan, pihak jabatan telah menyelesaikan bancian pada 11 Julai 2014 bagi semua penjaja di Jalan Bunga Tanjung 10 dan 10A, Taman Muda sahaja. Perjumpaan akan diadakan pada tarikh terdekat bagi membincangkan penyusunan gerai-gerai terbabit agar lebih teratur dan kemas.

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaraan & Kesihatan

2.21 RUMAH USANG DI LEMBAH JAYA SELATAN (JALAN BESAR LEMBAH JAYA SELATAN)

Mesyuarat dimaklumkan, PTD Hulu Langat telah mengeluarkan notis pada 25 Jun 2014. Pemilik diberi tempoh 14 hari untuk mengosongkan tanah tersebut. Pihak jabatan masih menunggu maklumbalas daripada PTD Hulu Langat bagi operasi perobohan.

Tindakan :
**Jabatan Penguatkuasa/
PTD Hulu Langat**

2.22 LOT TEMPAT LETAK KERETA DI HADAPAN BLOK 4 FLAT DESA LEMBAH PERMAI

Mesyuarat dimaklumkan, pihak jabatan dan Bahagian COB telah mengeluarkan notis makluman kepada pemilik motosikal supaya tidak meletakkan motosikal di atas petak tempat letak kereta. Tindakan penguatkuasa akan dilaksanakan jika pemilik motosikal masih gagal mematuhi arahan notis. Tarikh notis dikeluarkan adalah pada 8 Julai 2014.

Tindakan :
Jabatan Penguatkuasa

2.23 CADANGAN MEMBINA GERAJ KECIL DI JALAN LEMBAH JAYA SELATAN

Mesyuarat dimaklumkan, pihak jabatan sedang dalam proses untuk dijadikan gerai insitu.

Tindakan :
Jabatan Perkhidmatan & Perbandaran Kesihatan

2.24 RUMAH-RUMAH TINGGAL DI KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS

Mesyuarat dimaklumkan, isu ini perlu perbincangan lanjut bersama Jabatan Undang-undang.

Tindakan :

Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta

2.25 TUTUP LALUAN (TIKUS) DARI MRR2 MASUK KE JALAN FLAT TAMAN ANGSANA HILIR

Mesyuarat dimaklumkan, penghadang konkrit akan diletakkan di laluan tersebut untuk mengelakkan pengguna jalan raya keluar masuk. Tindakan akan dilaksanakan sebelum Ogos 2014.

Tindakan :

Jabatan Kejuruteraan

2.26 MOHON SUSUR KELUAR DI PERSIMPANGAN JALAN WANGSA 1 MENUJU KE MRR2 DILEBARKAN

Mesyuarat dimaklumkan, semakan telah dibuat dan didapati kerja-kerja untuk pelebaran amat terhad. Cadangan untuk menyediakan laluan susur tersebut perlu melibatkan kerja-kerja pengukuhan cerun dan melibatkan kos yang tinggi.

Makluman

2.27 'SIGNBOARD' YANG HAMPIR TUMBANG

Mesyuarat dimaklumkan, pembaikan ke atas `signboard' yang hampir tumbang di Dewan Orang Ramai, Jalan 1, Ampang Jaya dan Jalan 1, Taman TAR telah diambil tindakan. Bagi lokasi di Jalan Dedap, Taman Rasmi Jaya sedang dalam tindakan.

Makluman

2.28 AKTIVITI MEMBELA BURUNG WALIT DI JALAN WATAN 8, TAMAN WATAN

Mesyuarat dimaklumkan, aduan tersebut telah diambil tindakan oleh Jabatan Penguatkuasa pada 5 Mei 2014. Walau bagaimanapun, pemilik rumah mohon penangguhan sehingga 2 Jun 2014 atas sebab beliau ingin berpindah. Hasil pemantauan pihak jabatan pada 18 Jun 2014 dan 8 Julai 2014 mendapati kawasan tersebut telah dibersihkan dan tiada sebarang aktiviti dilokasi. Pemantauan akan dibuat dari masa ke semasa.

Makluman

2.29 STATUS MENARA TELEKOMUNIKASI DI BUMBUNG BANGUNAN (ATAS PASARAYA WATAN) DI JALAN WATAN 8, TAMAN WATAN

Mesyuarat dimaklumkan, menara telekomunikasi tersebut telah mendapat kelulusan Majlis pada tahun 2006 (MPAJ 04/1/6-07/2006).

Makluman

2.30 HALANGAN DI ATAS LOT TEMPAT LETAK KERETA DI FLAT LEMBAH MAJU

Mesyuarat dimaklumkan, tindakan sitaan telah dilaksanakan pada 24 Jun 2014 dan 8 Julai 2014. Pemantauan akan dibuat dari masa ke semasa.

Makluman

2.31 CADANGAN MENGADAKAN PERCUBAAN 'RAIN WATER HARVESTING' BAGI MENGURANGKAN PENGGUNAAN AIR DI KAWASAN MAJLIS

Mesyuarat dimaklumkan, 'Rain Water Harvesting' telah diwartakan dalam UBBL 1984 dan pihak jabatan telah mensyaratkan semua permohonan baru dan ubahsuai diwajibkan menggunakan Sistem Pengumpulan Air Hujan (SPAH) ini. Bangunan baru Majlis telah menggunakan sistem ini.

Makluman

2.32 MOHON SATU SALINAN PERJANJIAN B.O.T. LEMBAH MAJU

Mesyuarat dimaklumkan, isu ini sedang dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Taskforce B.O.T. dan akan dibentangkan selepas perbincangan dalam taskforce selesai.

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

2.33 PEMBINAAN RUMAH KEDAI DI JALAN MATAHARI 3, TAMAN MAJU JAYA FASA 3

Mesyuarat dimaklumkan, semakan jabatan mendapati tiada permohonan dikemukakan.

Tindakan :

Jabatan Bangunan & Senibina

2.34 PEMBERSIHAN LONGKANG DI HADAPAN RUMAH NO.22, JALAN BUNGA TANJUNG 12, TAMAN MUDA

Mesyuarat dimaklumkan, pembersihan telah dilaksanakan pada 5 Julai 2014 dan jadual berikutnya pada 21 Julai 2014.

Makluman

3.0 HAL-HAL LAIN**3.1 MOHON ALIHKAN PAPAN TANDA 'BERHENTI' DI SUSUR JALAN PANDAN JAYA 5, PANDAN JAYA**

Memohon dialihkan papan tanda 'berhenti' di susur jalan Pandan Jaya 5, Pandan Jaya kerana telah menghalang lampu isyarat.

Tindakan :

Jabatan Kejuruteraan

3.2 SEMAK TAPAK 'USED CAR' DI JALAN PANDAN JAYA 5, PANDAN JAYA

Mohon semakan ke atas tapak 'used car' di Jalan Pandan Jaya 5, Pandan Jaya.

Tindakan :

Jabatan Perancang Bandar

3.3. PERMOHONAN BONGGOL

Aduan daripada penduduk yang memohon bonggol di 3 lokasi berikut :

- i) Jalan 10/7, Ampang Jaya
- ii) Jalan 5/10, Ampang Jaya
- iii) Jalan 10/1, Ampang Jaya

Tindakan :

Jabatan Kejuruteraan

(Minit dipindahkan ke Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam)

3.4 PEMBERSIHAN LONGKANG DI JALAN BUNGA TANJUNG 12, TAMAN MUDA

Mohon pembersihan longkang di Jalan Bunga Tanjung 12, Taman Muda yang dipenuhi dengan pasir.

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.5 CANTASAN POKOK DI JALAN KEMBOJA 11D, TAMAN MUDA

Mohon mencantas pokok yang mana cabang-cabang sudah reput di Jalan Kemboja 11D, Taman Muda.

Tindakan :

Jabatan Belia & Masyarakat

3.6 CADANGAN MENANAM POKOK-POKOK BUNGA DI SEKELILING TONG-TONG SAMPAH AWAM

Mencadangkan Majlis menanam pokok-pokok bunga di sekeliling tong-tong sampah awam bagi mengelakkan penduduk-penduduk tidak membuang sampah di sekeliling tong-tong sampah.

Tindakan :

Jabatan Belia & Masyarakat

3.7 PERMOHONAN PEMBERSIHAN LONGKANG DI JALAN MEWAH 4, PANDAN MEWAH (BELAKANG HOSPITAL AMPANG)

Mohon didalamkan atau dilaksanakan kerja-kerja pembersihan longkang di Jalan Mewah 4, Pandan Mewah (belakang Hospital Ampang) bagi mengelak berlakunya banjir kilat di kawasan tersebut.

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.8 SEMAK STATUS PROJEK ATAS TANAH LAPANG DI JALAN 9, TAMAN DAGANG JAYA

Beliau mohon semakan status projek atas tanah lapang di Jalan 9, Taman Dagang Jaya.

Tindakan :

Jabatan Perancang Bandar

3.9 KERETA BURUK DI JALAN 6, TAMAN DAGANG JAYA

Mohon tindakan ke atas kereta buruk di Jalan 6, Taman Dagang Jaya.

Tindakan :

Jabatan Penguatkuasa

3.10 SEMAKAN SEMULA GERAI DI ATAS MONSOON DRAIN TEPI PAGAR SEKOLAH AGAMA LEMBAH JAYA

Beliau mohon pihak jabatan membuat semakan semula ke atas gerai di atas monsoon drain tepi pagar Sekolah Agama Lembah Jaya.

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

4.0 PENUTUP

Mesyuarat Penuh Majlis adalah diminta untuk menimbangkan dan mengesahkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin.

Disediakan Oleh:
Bahagian Urusetia
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
17 Julai 2014

6.2.
LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA
KEWANGAN DAN TAKSIRAN BIL.6/2014

**MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN DAN TAKSIRAN
BIL.6/2014
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

TARIKH : 14 JULAI 2014
MASA : 2.30 PETANG - 4.40 PETANG
**TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,
TINGKAT 16, MENARA MPAJ**

KEHADIRAN

- | | | | |
|----|--|---|------------------------|
| 1. | Tn. Abd. Hamid Bin Hussain
(Pemangku YDP, MPAJ) | - | Pengerusi |
| 2. | Tn. Haji Meor Rithuan Bin Mohamed Said | - | Ahli Majlis |
| 3. | Pn. Wan Hasrina Binti Wan Hassan | - | " |
| 4. | Tn. Ahmad Sabri Bin Abu Bakar | - | " |
| 5. | Pn. Sian Keng Eng | - | Ahli Majlis |
| 6. | Tn. Ho Ah Ngoh | - | " |
| 7. | Tn. Ramli Bin Md. Said | - | " |
| 8. | Tn. Mohamad Bin Samat | - | " |
| 9. | Tn. Johari Bin Atli | - | Pemangku
Setiausaha |

**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL.6/2014**

LAPORAN JAWATANKUASA KEWANGAN DAN TAKSIRAN

1. TUJUAN

Kertas ini dibentangkan bertujuan untuk mendapat pengesahan Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran.

2. LATARBELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran Bil.6/2014 telah diadakan pada 14 Julai 2014 membincangkan serta memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

**2.1. LAPORAN ANALISA KUTIPAN CUKAI TUNGGAKAN CUKAI
TAKSIRAN DARI 1 JANUARI 2014 SEHINGGA 30 JUN 2014**

2.1.1. Mesyuarat dimaklumkan prestasi kutipan cukai semasa dan tunggakan cukai taksiran. Bil cukai taksiran yang sepatutnya dikutip bagi tempoh Januari – Jun 2014 ialah sebanyak RM46.70 juta dan tunggakan cukai sebanyak RM14.10 juta dengan jumlah bil yang dikeluarkan 167,321 bil bagi tempoh penggal pertama (1) dalam tahun 2014.

2.1.2. Secara keseluruhannya kutipan hasil cukai taksiran dari 1 Januari 2014 sehingga 30 Jun 2014 ialah sebanyak RM51.13juta. Pencapaian kutipan semasa cukai taksiran adalah RM42.26juta; 90.49% dan kutipan tunggakan cukai taksiran adalah RM8.87juta; 62.88%.

2.1.3. Berikut adalah perbandingan kutipan cukai taksiran bagi tempoh 30 Jun 2014 dan 30 Jun 2013.

Perbandingan kutipan cukai taksiran			
Perkara	01/01/14 – 30/06/14	01/01/13 – 30/06/13	Ulasan
Kutipan cukai semasa	RM42.26juta	RM41.47juta	Peningkatan kutipan cukai semasa RM0.79juta; 1.86%
Kutipan tunggakan cukai	RM8.87juta	RM7.44juta	Peningkatan kutipan tunggakan cukai RM1.43juta; 16.12%
Jumlah	RM51.13juta	RM48.91juta	Peningkatan kutipan keseluruhan RM2.22juta; 4.34%

2.1.4. Analisa pencapaian kutipan cukai taksiran dilaporkan sehingga 30 Jun 2014 dengan sasaran kutipan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Analisa pencapaian kutipan sasaran yang diarahkan oleh SUK			
Jenis cukai taksiran	Sasaran kutipan arahan SUK	Pencapaian Majlis	Lebihan / Kekurangan sasaran
Cukai semasa	RM42.03juta	RM42.26juta	RM0.23juta (Lebihan sasaran)
Tunggakan cukai	RM9.87juta	RM8.87juta	RM1.00juta (Kekurangan sasaran)

2.1.5. Pelan Tindakan Jabatan bagi meningkatkan prestasi kutipan adalah berterusan dan komited seperti berikut:

- a) Perlaksanaan kaunter bergerak dan notis tuntutan mengikut Zon Ampang dan Zon Hulu Kelang dengan kaedah dari rumah ke rumah pemegang harta.
- b) Pembukaan kaunter Menara MPAJ dan Pejabat Cawangan Melawati pada setiap Sabtu pada Bulan Januari, Februari, Julai, Ogos dan Disember serta setiap hari Ahad di Menara MPAJ sahaja pada bulan Februari dan Ogos setiap tahun.
- c) Pembukaan kaunter Pandu Lalu pada Bulan Februari dan Ogos setiap tahun.

- d) Kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Tanah dan Daerah seluruh Negeri Selangor dalam memudahkan urusan pembayaran bil Cukai Taksiran dengan penerimaan bayaran di semua PBT dan PTD Selangor.
- e) Pembukaan kaunter kutipan di pasaraya sekitar Ampang Jaya pada 15 Februari hingga 28/29 Februari dan 15 Ogos hingga 31 Ogos setiap tahun untuk kemudahan orang ramai di luar waktu pejabat.
- f) Penyediaan mesin pembayaran dan semakan cukai taksiran 24 jam (kiosk) di Menara MPAJ dan gerbang pembayaran elektronik (*payment gateway & e-banking*) melalui bank yang telah dilantik oleh Majlis.
- g) Menyediakan sistem komuniti pintar ICOMM (MPAJ *Intelligent Community System*) bagi memudahkan urusan semakan, pertanyaan akaun dan pembayaran.
- h) Pemberitahuan promosi dan lokasi kaunter bergerak melalui banner di jalan utama, papantanda elektronik di Ampang Point dan memaklumkan aktiviti dan kewajipan membayar cukai melalui media.
- i) Menubuhkan Unit Taskforce Tunggalan Cukai Taksiran bermula 18 Januari 2010. Unit ini

memantau serta membuat tuntutan tunggakan Cukai Taksiran ke atas pemilik individu dan syarikat tegar.

- j) Membuat tuntutan civil melalui firma guaman dilantik kepada pemilik atau syarikat yang tegar melunaskan tunggakan cukai taksiran.
- k) Menyenaraihitamkan pemilik tegar yang gagal menjelaskan tunggakan Cukai Taksiran ke *Convergent Technologies Operating System (CTOS)*.
- l) Mendapatkan perintah mahkamah dan memasukkan kaveat pendaftar di atas bagi proses lelongan di bawah Seksyen 151, Akta Kerajaan Tempatan 1976.
- m) Menjalankan kajian secara berterusan ke atas pelaksanaan operasi kutipan oleh PBT dan agensi kerajaan yang lain bagi mengemaskini dan mendapatkan kaedah terbaik meningkatkan prestasi kutipan.

2.1.7. Mesyuarat **bersejua dan mengambil maklum Laporan Analisa Kutipan Tunggakan Cukai Taksiran dari 1 Januari 2014 sehingga 30 Jun 2014. Ahli Mesyuarat mohon penambahbaikan resit bagi pembayar internet banking dan ucapan penghargaan di bil cukai taksiran kepada pembayar-pembayar internet banking.**

2.2. LAPORAN ANALISA PRESTASI PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2014 DARI 1 JANUARI 2014 SEHINGGA 30 JUN 2014

2.2.1. Mesyuarat dimaklumkan perbelanjaan Majlis bagi tahun 2014 dari 1 Januari 2014 hingga 30 Jun 2014.

2.2.2. Peruntukan bajet mengurus tahun 2014 adalah sebanyak RM117.30juta dengan perbelanjaan RM48.91juta atau 41.69% daripada peruntukan yang telah diluluskan. Manakala bajet pembangunan telah dibelanjakan sebanyak RM114ribu atau 4.23% daripada peruntukan berjumlah RM2.70juta bagi tahun 2014.

2.2.3. Peruntukan khas yang diterima oleh Majlis hingga 30 Jun 2014 berjumlah RM33.97juta dengan perbelanjaan RM32.52juta atau 95.74%. Peruntukan khas yang telah diterima namun masih belum dibelanjakan hingga 30 Jun 2014 berjumlah RM176ribu.

2.2.4. Peratus patut belanja Majlis sehingga 30 Jun 2014 adalah 49.99% manakala peratus belanja sebenar adalah 41.69%. Perbandingan Majlis kurang peratus patut belanja sebanyak 8.30%. (Formula : $100/12 \text{ bulan} \times 6 \text{ bulan (Jan-Jun)}$).

2.2.5. Mesyuarat **bersetuju dan mengambil maklum Laporan Analisa Prestasi Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan bagi tahun 2014 dari 1 Januari 2014 sehingga 30 Jun 2014.**

2.3. LAPORAN PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2014 DARI 1 JANUARI 2014 HINGGA 30 JUN 2014

2.3.1. Mesyuarat dimaklumkan penyata pendapatan dan perbelanjaan Majlis bagi tahun 2014 hingga 30 Jun 2014.

2.3.2. Pendapatan bagi hasil cukai adalah sebanyak RM51.13juta dan pendapatan bagi hasil bukan cukai adalah sebanyak RM12.57juta. Jumlah pendapatan bagi hasil cukai dan hasil bukan cukai Majlis sehingga 30 Jun 2014 berjumlah RM63.70juta. Perbelanjaan Majlis sehingga 30 Jun 2014 berjumlah RM49.02juta. Lebihan pendapatan Majlis sehingga 30 Jun 2014 berjumlah RM14.68juta.

2.3.3. Laporan simpanan tetap sehingga 30 Jun 2014 adalah sebanyak RM73juta dan telah ditetapkan sebagai komitmen perbelanjaan Majlis.

2.3.4. Majlis masih kekurangan aliran wang tunai sebanyak RM50.50juta untuk perbelanjaan Julai 2014-Disember 2014.

(Baki peruntukan vot Majlis tanpa emolumen - simpanan tetap baki peruntukan perbelanjaan Majlis)=(RM70.98juta-RM20.48juta)-RM7juta=RM50.50juta.

2.3.6. Mesyuarat **mengambil maklum Laporan Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan dari 1 Januari 2014 hingga 30 Jun 2014.**

2.4. KERTAS PERTIMBANGAN BAGI BAYARAN BONUS TAHUNAN SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI 1435H/2014

2.4.1. Mesyuarat dikemukakan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) berhubung Bonus Tahunan Sempena Hari Raya Aidilfitri 1435H/2014 kepada penjawat awam yang berkhidmat di Jabatan/Agensi Negeri Selangor.

2.4.2. Kerajaan Negeri Selangor melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 25/2014 yang bersidang pada 2 Julai 2014 telah meluluskan pembayaran Bonus Tahunan Sempena Hari Raya Aidilfitri 1435H/2014 sebanyak **satu (1) bulan gaji kepada setiap kakitangan awam Negeri Selangor.**

2.4.3. Bayaran Bonus Tahunan Sempena Hari Raya Aidilfitri 1435H/2014 ini dibayar kepada semua Penjawat Awam Kerajaan Negeri Selangor dan akan dilaksanakan sebelum sambutan Hari Raya Aidilfitri sebagai tanda penghargaan berikutan peningkatan prestasi kewangan Kerajaan Negeri sehingga 30 Jun 2014.

2.4.4. Anggota yang layak menerima bayaran **Bonus Tahunan Sempena Hari Raya Aidilfitri 1435H/2014** adalah seperti berikut:

2.4.4.1. Y.B Speaker Dewan Negeri Selangor;

2.4.4.2. Y.B Timbalan Speaker Dewan Negeri Selangor;

2.4.4.3. Y.B Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri;

- 2.4.4.4. Y.B Ahli Dewan Negeri Selangor;
 - 2.4.4.5. Pegawai tetap, kontrak, sementara, dan Pekerja Sambilan Harian;
 - 2.4.4.6. Pegawai yang dilantik dibawah *contract of service* dan *Contract For Service*;
 - 2.4.4.7. Pegawai yang bercuti separuh gaji;
 - 2.4.4.8. Orang Besar Daerah;
 - 2.4.4.9. Guru KAFA;
 - 2.4.4.10. Guru Taska Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor; dan
 - 2.4.4.11. Anggota yang dibayar gaji melalui sistem *payroll* Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor.
- 2.4.5. Kelulusan ini turut dipanjangkan kepada Semua Pihak Berkuasa Tempatan (termasuk Ahli Majlis) dan Badan Berkanun Negeri tertakluk kepada penerimaan Pihak Berkuasa masing-masing.
- 2.4.6. Bonus Tahunan Sempena Hari Raya Aidilfitri 1435H/2014 ini dibayar kepada semua anggota yang berkhidmat pada **30 Jun 2014**. Anggota yang **berkhidmat kurang daripada enam (6) bulan** di Jabatan/agensi atau kurang 30 hari pada bulan Jun 2014, **pembayaran bonus akan dilaksanakan secara prorata atau bayaran minimum RM500.00**.
- 2.4.7. Pembayaran Bonus Tahunan Sempena Hari Raya Aidilfitri 1435H/2014 kepada **Pekerja Sambilan Harian (PSH)** adalah berdasarkan kepada gaji yang diterima pada bulan Jun 2014.

2.4.8. Implikasi kewangan bagi bayaran Bayaran Bonus Tahunan Sempena Hari Raya Aidilfitri 1435H/2014 adalah seperti berikut :

Bil	Kumpulan Perkhidmatan	Jumlah (orang)	Implikasi Kewangan (RM)
1.	Pengurusan & Profesional(termasuk 3 orang pegawai agensi Persekutuan yang ditempatkan di Bahagian OSC dan COB MPAJ)	48	209,454.55
2.	Pelaksana	698	1,379,071.83
Jumlah		746	1,588,526.38

2.4.9. Mesyuarat **bersetuju dan menerimapakai keputusan dasar oleh MMKN berkaitan Bayaran Bonus Tahunan Sempena Hari Raya Aidilfitri 1435H/2014 sebanyak satu (1) bulan gaji kepada setiap kakitangan awam Negeri Selangor yang akan dibayar pada 15 Julai 2014 dengan peruntukan sebanyak RM 1.6 juta dan Mesyuarat juga bersetuju bayaran bonus kepada Ahli-Ahli Majlis dibayar sebulan gaji.**

2.5. LAPORAN PRODUK-PRODUK INOVASI YANG DIHASILKAN OLEH MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA SEHINGGA DISEMBER 2013

2.5.1. Mesyuarat dikemukakan laporan produk-produk inovasi yang dihasilkan oleh Majlis Perbandaran Ampang Jaya sehingga Disember 2013.

2.5.2. Inovasi ialah kaedah mencari jalan untuk menghasilkan produk atau perkhidmatan yang lebih baik sama ada melalui pengubahsuaian atau penambahbaikan. Ia adalah hasil cetusan idea-idea yang kreatif dan inovatif dalam mana-mana aspek kerja yang dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti organisasi. Idea-idea ini boleh merangkumi apa-apa perubahan dalam bentuk sistem dan prosedur, kaedah dan cara bekerja mahupun pengenalan teknologi. Ianya juga perlulah mempunyai nilai tambah.

2.5.3. Inovasi turut dibahagikan kepada beberapa definisi kecil iaitu :

- a) Produk Inovasi
- b) Perekayasaan Proses dan Prosedur Kerja (Business Process Re-engineering-BPR)
- c) Penambahbaikan Proses dan Prosedur Kerja (Business Process Improvement-BPI)

2.5.4. Mesyuarat **mengambil maklum laporan produk-produk inovasi yang dihasilkan oleh Majlis Perbandaran Ampang Jaya sehingga Disember 2013. Ahli mesyuarat**

mencadangkan agar insentif diberikan kepada kakitangan yang telah menghasilkan produk inovasi. Mesyuarat juga mencadangkan Majlis dapat menghasilkan produk-produk inovasi untuk mengatasi masalah sampah haram.

3. MESYUARAT TURUT MEMBINCANGKAN PERKARA-PERKARA BERIKUT :-

3.1. STATUS PEMBINAAN DEWAN ORANG RAMAI TAMAN UKAY PERDANA

Mesyuarat dimaklumkan, peratus pembinaan telah meliputi 60%. Kontraktor diperakukan lewat dan pihak jabatan dalam pertimbangan 'Extension Of Time' (EOT).

Tindakan :

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

3.2. LOT PARKING DI KAWASAN-KAWASAN BARU

Mesyuarat dimaklumkan, sehingga kini masih tiada maklumbalas daripada pihak Suasa Efektif (M) Sdn. Bhd.

Tindakan :

Jabatan Perbendaharaan

4. HAL-HAL LAIN**4.1. UCAPAN PENGHARGAAN**

Tuan Ahmad Sabri bin Abu Bakar merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri dan MPAJ khasnya atas pemberian Bonus Tahunan Sempena Hari Raya 2014 untuk warga kerja MPAJ.

Makluman

4.2. LAPORAN PRESTASI KUTIPAN PASAR MALAM

Mohon dibentangkan laporan prestasi kutipan pasar malam dalam mesyuarat ini agar dapat semua Ahli Majlis memantau hasil kutipan tersebut.

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

**4.3. MAKLUMAT PENGOPERASIAN CCTV DI KAWASAN
PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAAN AMPANG JAYA**

Mohon maklumat berkaitan pengoperasian CCTV di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Ampang Jaya.

Tindakan :

Jabatan Perancangan Korporat

5.0 PENUTUP

Mesyuarat Penuh Majlis adalah diminta untuk menimbangkan dan mengesahkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran.

Disediakan Oleh:
Bahagian Urusetia
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
16 Julai 2014

6.3.

**LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA
KESIHATAN, ALAM SEKITAR
DAN KEMASYARAKATAN BIL.5/2014**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KESIHATAN,
ALAM SEKITAR DAN KEMASYARAKATAN
BIL. 5/2014
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

TARIKH : 11 JULAI 2014

MASA : 9.30 PAGI – 11.10 PAGI

TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,
TINGKAT 16, MENARA MPAJ

KEHADIRAN

- | | | | |
|-----|--|---|-------------|
| 1. | Tn. Abd. Hamid Bin Hussain
(Pemangku Yang Dipertua, MPAJ) | - | Pengerusi |
| 2. | Tn. Haji Abdul Jalil Bin Hasan | - | Ahli Majlis |
| 3. | Tn. Ramli Bin Md. Said | - | " |
| 4. | Tn. Ahmad Sabri Bin Abu Bakar | - | " |
| 5. | Tn. Supiramany a/l Sinnapayal | - | " |
| 6. | Tn. Ho Ah Ngoh | - | " |
| 7. | Tn. Lim Fong Len | - | " |
| 8. | Pn. Yogayswari a/p Ramalu | - | " |
| 9. | Tn. Azlan Bin Maddin | - | " |
| 10. | Tn. Johari Bin Atli
(Pemangku Setiausaha MPAJ) | | |

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

- | | | | |
|----|--|---|-------------|
| 1. | Pn. Syarifah Haslizah Binti Syed Ariffin | - | Ahli Majlis |
| 2. | Tn. Dr. Lai Fatt Sian | - | " |

**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL.6/2014**

**LAPORAN JAWATANKUASA KESIHATAN, ALAM SEKITAR DAN
KEMASYARAKATAN**

1. TUJUAN

Kertas ini dibentangkan bertujuan untuk mendapat pengesahan Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan.

2. LATARBELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan Bil.05/2014 telah diadakan pada 11 Julai 2014 membincangkan serta memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

**2.1. KERTAS MAKLUMAN BERKENAAN PENUBUHAN DAN
PERMASALAHAN PIHAK JMB/MC DI KAWASAN PEMAJU
BERSTRATA DI BAWAH PENTADBIRAN MAJLIS
PERBANDARAN AMPANG JAYA**

2.1.1. Mesyuarat dikemukakan kertas makluman berhubung penubuhan Badan Pengurusan Bersama (JMB)/Perbadanan Pengurusan (MC) serta permasalahan yang dihadapi oleh pihak JMB/MC.

- 2.1.2. Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB) diwujudkan pada 13 April 2007. COB berperanan untuk mengawal selia kesempurnaan penyenggaraan dan pengurusan bangunan bagi harta bersama, menyelesaikan pertelingkahan yang timbul dan menguatkuasakan undang-undang berpandukan **Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) Akta 663 dan juga Bahagian VI & VII Akta Hakmilik Strata (Akta 318)**.
- 2.1.3. Sehingga bulan Jun 2014, sebanyak **575** pemajuan berstrata dengan jumlah petak sebanyak **91,948** seperti di **Lampiran 1**.
- 2.1.4. Masalah yang dihadapi oleh pihak JMB/MC dalam menguruskan pemajuan berstrata disebabkan oleh 3 faktor utama:
1. **Faktor Manusia** - pembeli tidak tahu kuasa dan tanggungjawab mereka, bersikap mementingkan diri sendiri, tiada kesedaran menjaga harta bersama, kehadiran ke AGM/EMG kurang memuaskan dan tidak membayar wang penyenggaraan.
 2. **Faktor Bangunan** - bangunan lama dan usang, tiada CF, kerosakan terhadap bangunan di mana di luar kemampuan JMB/JMC untuk memperbaiki, rekabentuk bangunan yang tidak relevan dan kualiti bangunan yang teruk dan tidak memuaskan.

3. **Faktor Pengurusan dan Perakaunan** - pemaju muflis, penyerahan dokumen yang tidak lengkap dari pemaju ke JMB, JMB/MC tidak membuat laporan audit, gagal memanggil AGM, JMB/MC tidak aktif, tiada pengalaman dan tidak mahir dalam bidang pengurusan dan penyenggaraan bangunan dan penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan kewangan oleh JMB/MC.

2.1.5. Sehubungan dengan faktor-faktor di atas, pihak COB mengelaskan 7 jenis aduan dan bilangan aduan yang diterima dari tahun 2011 hingga Jun 2014 adalah seperti di **Lampiran 2**.

2.1.6. Bagi mengatasi masalah ini pihak COB dengan kerjasama Lembaga Perumahan Hartanah Negeri Selangor (LPHS) dan juga Sektor Pengurusan Strata, Kementerian Perumahan Dan Kesejahteraan Bandar (KPKT) telah mengadakan beberapa program dan juga inisiatif untuk mengatasi masalah ini. Antara program dan inisiatif tersebut ialah :

- i. Menganjurkan Kursus/Seminar/Bengkel kepada pembeli – pembeli petak agar lebih faham dan mahir berkenaan akta yang terlibat dan juga peranan dan tanggungjawab JMB/MC.
- ii. Taklimat di tapak kawasan pemajuan yang terlibat

- iii. Pendakwaan ke mahkamah untuk yang tidak membayar wang penyenggaraan seperti di **Lampiran 3.**
- iv. Skim CERIA (Peruntukan dari Kerajaan Negeri) seperti di **Lampiran 4.**
- v. Skim Tabung Penyenggaraan 1 Malaysia (Peruntukan Kerajaan Pusat)
- vi. Sistem E-COB untuk pengemaskinian data dan juga untuk pemantauan yang lebih efisien
- vii. Penilaian melalui Star Rating untuk pemantauan yang berkesan
- viii. Perlantikan Agen Pengurusan di Bawah Seksyen 25, Akta 663 dan Seksyen 50, Akta 318.

2.1.7. Dalam menguruskan pemajuan berstrata, pihak COB menghadapi kekangan dan cabaran berikut:-

- 1. Peranan KPKT di mana gagal menyediakan garis panduan yang lengkap, tidak menetapkan jumlah penalti/kompaun, gagal menjadi pakar rujuk yang kompeten dan gagal mewujudkan peraturan.
- 2. Kelemahan Akta 663/Bahagian vi dan vii, Akta 318 iaitu kekeliruan rujukan, banyak peruntukan dan tafsiran tidak jelas, tiada medium yang lebih mudah untuk buat rayuan dan kuasa COB terbatas.

3. Penguatkuasaan sukar diambil kerana pertindihan tugas kakitangan, tiada peraturan, tiada penalti/kompaun dan tiada garis panduan.
4. Pertindihan Kuasa di antara pihak Polis, Imigresen, SPRM, Bomba dan MPAJ.

2.1.8. Mesyuarat mengambil maklum berkenaan penubuhan JMB/MC di kawasan pemajuan berstrata dan masalah dan kekangan yang dihadapi oleh pihak JMB/MC dan pihak COB dalam menguruskan pemajuan berstrata.

3. MESYUARAT TURUT MEMBINCANGKAN PERKARA-PERKARA BERIKUT:-

3.1 ASPEK KESIHATAN

3.1.1 PROGRAM COMBI DAN LAPORAN DENGGI DI SEKITAR AMPANG JAYA

Kes denggi dilaporkan meningkat di kawasan MPAJ di mana terdapat sebanyak 2374 kes sejak minggu Epid 1 hingga minggu Epid 28 (12 Julai 2014) tahun 2014 dan 9 demam denggi berdarah.

Sepuluh lokasi wabak tidak terkawal iaitu:

1. Taman Ukay Bistari (Appt Residensi Bistaria) Episod 2
2. Taman Melawati (Tmn Melawati J Zon 2) Episod 2
3. Jalan Jelatek (Sri Maya Condo) Episod 2.

4. Bukit Antarabangsa (Taman Kelab Ukay) Episod 2
5. Pandan Perdana (Jalan PP 7/1-11) Episod 1
6. Pandan Perdana (Jalan PP 7/1-3) Episod 1
7. Taman Melawati (Tmn Melawati C) Episod 3
8. Taman Putra (Jln 1-10) Episod 1
9. Taman Tun Abdul Razak Episod 3
10. Taman Melawati (Jalan Melawati F) Episod 2

Sebanyak 103 aktiviti berkaitan pencegahan denggi (gotong royong, taklimat, ceramah, program COMBI, pameran dan operasi penguatkuasaan dan tapak bina) telah dijalankan sejak Januari hingga 5 Julai 2014.

Kursus Promoter Skuad COMBI telah dijalankan pada 14 Jun 2014 di Auditorium MPAJ melibatkan 15 pasukan skuad COMBI JKP 1 DUN Hulu Langat.

Pihak JKP digesa membentuk pasukan COMBI / skuad denggi bagi mengaktifkan aktiviti cegah denggi di kalangan penduduk.

Untuk makluman juga pihak Majlis tidak melantik sebarang kontraktor untuk mengutip wang bagi aktiviti fogging di kawasan pentadiran Majlis.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.1.2. KEMPEN TANGKAP TIKUS

Mesyuarat dimaklumkan dari bulan Januari hingga **30 Jun 2014** sebanyak **26 lokasi** telah dijalankan aktiviti kawalan tikus menggunakan racun (racumin) di mana lubang-lubang tikus yang telah dikenal pasti telah diletakkan racun. Sebanyak **497 karkus** telah dikutip sepanjang aktiviti tersebut. Pihak MPAJ melaksanakan tindakan kawalan dan pencegahan tikus berdasarkan aduan yang diterima serta permintaan daripada pihak JKP.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.1.3. PEMERIKSAAN KEBERSIHAN KE ATAS RESTORAN

Mesyuarat dimaklumkan sehingga Jun 2014, sebanyak 495 buah premis makanan telah disemak di mana sebanyak 226 buah premis gred A, 192 buah premis gred B dan sebanyak 77 adalah gred C. Peratusan premis bersih adalah 84.4%. Sebanyak 149 kompaun telah dikeluarkan. Statistik laporan adalah seperti di **Lampiran 5.**

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.2. ASPEK ALAM SEKITAR**3.2.1. KEMPEN TONG SAMPAH**

Mesyuarat dimaklumkan sehingga **30 Jun 2014**, sebanyak **694 notis** penyediaan tong sampah telah dikeluarkan iaitu bulan Mac 2014 - 71 notis, bulan April 2014 - 30 notis, bulan Mei 2014 - 250 notis dan bulan Jun 2014 - 343 notis.

Sementara itu, sebanyak 24 kompaun telah dikeluarkan iaitu bulan Mac 2014 - 5 kompaun, bulan April 2014 - tiada kompaun, bulan Mei 2014 - 14 kompaun dan bulan Jun 2014 - 5 kompaun.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.2.2. TONG SAMPAH BESAR DI PERUMAHAN BERSTRATA

Mesyuarat dimaklumkan keutamaan tong sampah telah diberikan kepada kawasan yang bermasalah terlebih dahulu iaitu Rumah Pangsa Sri Nilam.

Makluman

3.2.3. TONG SAMPAH BESAR

Mesyuarat dimaklumkan, pembelian tong sampah ini masih lagi dalam peringkat kelulusan. Tong sampah tersebut akan diletakkan di simpang Jalan Bunga Tanjung 8, Jalan Bunga Tanjung 8B dan Jalan Bunga Tanjung 9.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.2.4. TAPAK LAMA KOLAM MEMANCING DI TAMAN KOSAS (TANAH PEMAJU METROPLEX)

Mesyuarat dimaklumkan bahawa notis peringatan telah dikeluarkan kepada pemaju pada 9 Julai 2014 dalam tempoh 14 hari untuk melaksanakan kerja-kerja pembersihan.

Pihak Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan diminta membuat anggaran kos untuk membantu masalah di tapak sekiranya pihak pemaju tidak dapat melaksanakan kerja-kerja pembersihan .

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.2.5. PEMBERSIHAN SEMAK DAN PEMOTONGAN POKOK

Mesyuarat dimaklumkan kerja-kerja pemotongan rumput dan mencantas pokok di sekeliling Dewan Taman Dagang Jaya Jalan 9 telah dilaksanakan.

Makluman

3.2.6. SEMAK SAMUN DI SUNGAI KERAYONG

Mesyuarat dimaklumkan keadaan di kiri dan kanan sungai dalam keadaan terkawal iaitu di sebelah belakang Menara MPAJ hingga ke MRR2. Walau bagaimanapun terdapat tumbuh-tumbuhan dalam sungai di dalam Sungai Kerayong. Pihak Jabatan telah menghubungi JPS Hulu Langat berhubung perkara ini.

Makluman

3.2.7. PEMOTONGAN RUMPUT

Mesyuarat dimaklumkan pihak Jabatan telah membersihkan rumput lalang pada 15 Jun 2014 dan kawasan lapang di sebelah Pejabat YB Azmin Ali akan dilaksanakan oleh kontraktor kawasan.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.2.8. NOTIS KEPADA KONTRAKTOR

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak Jabatan sentiasa memantau kerja-kerja kontraktor di kawasan Ampang Point. Notis-notis yang dikeluarkan pada bulan Jun 2014 adalah sebanyak 69 NTC, 73 NP dan tiada NTB.

Makluman

3.2.9. PEMBERSIHAN LONGKANG

Longkang di Jalan Kampung Cheras Baru (Jalan Besar) telah dibersihkan pada 30 Jun 2014. Tuan Supiramany memohon agar pembersihan longkang diteruskan di Jalan Besar berhadapan dengan Taman Mastika (selepas lampu isyarat).

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.2.10. MASALAH KEBERSIHAN DI AMPANG POINT

Mesyuarat dimaklumkan bahawa masalah sampah berselerakan dan tidak diangkat dan masalah longkang tersumbat di kawasan Ampang Point telah diambil tindakan oleh kontraktor kawasan. Sementara itu, pihak Jabatan Kejuruteraan akan membaiki kerosakan pejalan kaki dan sistem perparitan secara berperingkat sehingga bulan Oktober 2014.

Tindakan :

Jabatan Kejuruteraan

(Minit dipindahkan ke Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam)

3.3. ASPEK KEMASYARAKATAN

3.3.1. PERMOHONAN MENAIKTARAF PADANG KAMPUNG AMPANG INDAH

Mesyuarat dimaklumkan kerja-kerja pembaikan padang di Kampung Ampang Indah telah siap dilaksanakan.

Makluman

3.3.2. KEROSAKAN PAGAR FUTSAL DI TAMAN SRI WATAN

Mesyuarat dimaklumkan kerja-kerja pembaikan pagar dalam tindakan kontraktor.

Tindakan:

Jabatan Belia & Masyarakat**3.3.3. PEMBAIKAN PAGAR DI DEWAN LEMBAH JAYA**

Mesyuarat dimaklumkan pelarasan bersama JKP berhubung pembaikan akan dibuat di Dewan Jalan 9, Lembah Jaya (bersebelahan Masjid Al-Aman).

Tindakan :

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

3.3.4. GELANGGANG SEPAK TAKRAW

Gelanggang takraw di Dewan Orang Ramai Taman Sri Raya masih dalam tindakan penyelenggaraan jabatan. Ahli Majlis kawasan memohon agar membaiki keperluan asas di dalam dewan tersebut terutama lampu.

Tindakan:

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

3.3.5. PEMBAIKAN DEWAN TAMAN BUKIT MULIA (ZON 5)

Pembaikan Dewan Bukit Mulia telah siap dilaksanakan.

Makluman

3.3.6. PEMBAIKAN PAGAR FUTSAL

Mesyuarat dimaklumkan pagar rosak di padang futsal Dataran Anak Muda, Jalan H telah dibuka dan pihak Jabatan sedang menyediakan proses sebutharga untuk menggantikan pagar di padang tersebut.

Tindakan:**Jabatan Belia dan Masyarakat****3.3.7. STATUS DUSUN BANDAR DI TAMAN KOSAS**

Mesyuarat dimaklumkan tempoh penyelenggaraan kontraktor di Dusun Bandar, Taman Kosas tamat pada bulan Julai 2014. Pihak Jabatan telah meletakkan tanda nama pada 29 jenis pokok yang ditanam.

Makluman**3.3.8. SALIRAN AIR DARI PROJEK TAMAN REKREASI**

Mesyuarat dimaklumkan, pihak Jabatan akan mengambil tindakan ke atas masalah air lumpur daripada projek Taman Rekreasi Tasik Tambahan yang telah memasuki Sekolah Agama yang berhampiran selepas penyerahan dibuat.

Makluman**3.3.9. PERMOHONAN CANTAS POKOK**

Kerja-kerja mencantas pokok di Jalan 9, Kampung Ampang Indah telah dilaksanakan.

Tindakan:**Jabatan Belia & Masyarakat**

3.3.10. PERMOHONAN PAGAR BESI

Mesyuarat dimaklumkan pembinaan tiang pagar penghalang di padang/tempat riadah di Taman Permai Jaya sedang dalam tindakan kontraktor.

Tindakan:

Jabatan Belia & Masyarakat

3.3.11. PERMOHONAN MENAIKTARAF PADANG

Mesyuarat dimaklumkan kerja-kerja menambak pasir di padang Taman Rasmi Jaya telah selesai dilaksanakan.

Makluman

3.3.12. PAGAR HALANGAN BOLA

Mesyuarat dimaklumkan pihak Jabatan akan membaiki pagar halangan bola di tapak permainan Taman Bukit Utama 2.

Tindakan:

Jabatan Belia & Masyarakat

3.3.13. PERMOHONAN MEMBAIK PULIH DEWAN

Mesyuarat dimaklumkan kerja-kerja membaik pulih Dewan Taman Rasmi Jaya dalam tindakan pihak kontraktor.

Tindakan:

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

3.3.14. PERMOHONAN `JOGGING TRACK' DI PADANG TAMAN SRI WATAN

Mesyuarat dimaklumkan permohonan dibina 'jogging track' di sekeliling padang Taman Sri Watan akan dimasukkan dalam perancangan kerja 2015.

Makluman

3.3.15. PERMOHONAN CANTASAN POKOK DI JALAN BUKIT ANTARABANGSA

Mesyuarat dimaklumkan kerja-kerja cantasan pokok-pokok di Jalan Bukit Antarabangsa dari simpang Impian Selatan hingga simpang Jalan Persiaran Bukit Jaya telah dilaksanakan.

Makluman

3.3.16. POKOK BESAR DI PANGSAPURI INTAN

Mesyuarat dimaklumkan pihak jabatan sedang menyediakan spesifikasi kerja untuk menebang pokok besar di Jalan Bukit Permai hadapan Pangsapuri Intan.

Tindakan:

Jabatan Belia & Masyarakat

3.3.17. PERMOHONAN MEMBINA PAGAR SEKELILING PADANG

Mesyuarat dimaklumkan pihak jabatan hanya bercadang untuk membina penghalang gol di padang belakang Dewan Komuniti Jalan Kemboja 3A, Taman Muda bagi menghalang bola keluar dan

terkena kereta penduduk yang terletak di tepi jalan atau kereta yang melalui jalan berhampiran.

Tindakan:

Jabatan Belia & Masyarakat

3.4 LAIN-LAIN ASPEK

3.4.1. HEBAHAN PROGRAM MAJLIS MELALUI SIAR RAYA

Cadangan dari Tuan Dr. Lai Fatt Sian agar Majlis membuat hebahan atau pemberitahuan kepada orang ramai berkenaan program dan aktiviti Majlis melalui siar raya menggunakan van. Kaedah ini diharap dapat membantu Majlis dalam memberi pendidikan kesedaran kepada masyarakat terutamanya menjaga kebersihan bandar.

Makluman

4. HAL-HAL LAIN

4.1. ASPEK ALAM SEKITAR

4.1.1. SAMPAH PUKAL DI JALAN ENGGANG

Terdapat sampah pukal di Jalan Enggang (Zon 7) yang perlu diberi pemantauan.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

4.1.2. OPERASI TONG SAMPAH DI ZON 5

Operasi tong sampah perlu dijalankan di rumah kedai Zon 5, di Jalan Wangsa 2 dan Jalan Wangsa 11 termasuk di lorong belakang.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

4.1.3. MOHON TONG SAMPAH SAIZ BESAR

Menyediakan tong sampah bersaiz besar di Jalan Kolam Air, Kg Kelang Gate (dicadang diletakkan berhampiran rumah ibu YB Azmin Ali).

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

4.1.4. ADUAN NO.77795 MASIH TIADA TINDAKAN

Didapati aduan tersebut melibatkan pembersihan sampah dan longkang di Jalan G-2, masih tiada tindakan.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

4.1.5. AKTIVITI CUCI KERETA DI TEMPAT LETAK KERETA DI AMPANG POINT

Air mengalir dari aktiviti cuci kereta di tempat letak kereta di Ampang Point mengakibatkan kotor dan lecah.

Tindakan

4.2. ASPEK KEMASYARAKATAN**4.2.1 POKOK KELAPA MENCECAH WAYAR ELEKTRIK**

Pokok Kelapa di persimpangan Jalan C-3M Taman Melawati, Fasa 3 telah mencecah wayar letrik dan mengganggu penglihatan pemandu keluar masuk jalan tersebut.

Tindakan:

Jabatan Belia & Masyarakat

4.2.2. BAIK PULIH DEWAN ORANG RAMAI JALAN J-10

Dewan Orang Ramai di Jalan J-10, Taman Melawati, Fasa 6 perlu dibaik pulih.

Tindakan:

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

4.2.3. GARIS PANDUAN PENGGUNAAN DEWAN JKP

Mohon dikeluarkan garis panduan penggunaan dewan JKP terutama waktu penggunaannya.

Tindakan:

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

5.0 PENUTUP

Mesyuarat Penuh Majlis adalah diminta untuk menimbangkan dan mengesahkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan.

*Disediakan Oleh:
Bahagian Urusetia
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
16JULAI2014*

LAMPIRAN 1

STATISTIK PENUBUHAN JMB/MC SEHINGGA JUN 2014

BIL KAWASAN PEMAJUAN (PETAK)				PIHAK PENGURUSAN				CATATAN
< 10 (PETAK)	> 10 (PETAK)	JUMLAH (PETAK)	PEMAJU & LIQUIDATOR	JMB	MC	EJEN	LAIN- LAIN	
153 (1425)	422 (90523)	575 (91948)	162	212	115	12	76	12 Persatuan Penduduk, 64 Ejen Lantikan Pemaaju

Jumlah petak keseluruhan sebenar	Kediaman	83237
	Kedai / Pejabat	8711
	Jumlah	91948

LAMPIRAN 2

	JENIS ADUAN	2011	2012	2013	2014
1.	Mesyuarat dan Pemilihan (Semua aduan berkaitan mesyuarat yang melibatkan Badan termasuk berkaitan proses penubuhan Badan)	103	10	66	18
2.	Pentadbiran dan Pengurusan (Semua aduan berkaitan pentadbiran dan pengurusan Pemaju/ Badan/ Ejan termasuk tanggungjawab, kerjasama, pertikaian)	83	31	72	30
3.	Penyenggaraan dan Kerosakan (Semua aduan berkaitan penyenggaraan dan kerosakan bangunan dan harta bersama)	202	212	126	47
4.	Isu Kewangan (Semua aduan berkaitan kewangan termasuk caj penyenggaraan, akaun penyenggaraan bangunan, kumpulan wang penyenggaraan bangunan, kumpulan wang penjelas)	29	13	34	10
5.	Khidmat Nasihat (Semua khidmat nasihat dan pandangan yang diberi kepada pengadu) * Data diambil secara purata melalui kaunter/ telefon/ .	1560	600	390	150
6.	Penguatkuasaan COB (Semua aduan berkaitan penguatkuasa COB dan Akta)	-	-	-	-
7.	Lain-lain (Sila nyatakan jenis aduan yang diterima)	-	-	4	
	JUMLAH (TIDAK TERMASUK KHIDMAT NASIHAT)	417	266	302	105

LAMPIRAN 3

STATISTIK KESELURUHAN BAGI SEKSYEN 23 AKTA 663 (DARI 2013 – JUN 2014)

PBT	DOKUMEN TIDAK LENGKAP	SIASATAN	PROSIDING MAHKAMAH	DNA (OKS TIDAK DAPAT DIKESAN)	SELESAI	JUMLAH
MBSA	28	163	88	0	3	282
MBPJ	16	37	61	2	13	129
MPK	0	0	1	0	0	1
MPSJ	80	0	0	0	0	80
MPAJ	0	3	49	21	59	132
MPKJ	14	10	13	0	1	38
MPSP	0	2	0	0	1	3
MDHS	13	0	7	5	22	47
MDKS	0	4	0	0	0	4
TOTAL	151	219	219	28	99	716

LAMPIRAN 4

SENARAI PANGSAPURI KAWASAN MPAJ YANG MENERIMA SKIM CERIA

Fasa 1

Bil	Nama Kemajuan	PBT	DUN	Kerosakan	Status Kemajuan Kerja
1	Pangsapuri Ampang Mewah, Jalan Mewah 8	MPAJ	Bukit Antarabangsa	Tangki	100%
2	Flat 700, Pandan Perdana	MPAJ	Teratai	Lif	100%
3	Pangsapuri Sri Intan, Ampang	MPAJ	Lembah Jaya	Lif	100%
4	Rumah Pangsa Taman Kosas, Ampang	MPAJ	Lembah Jaya	Bumbung	100%

Fasa 2

Bil	Nama Kemajuan	PBT	DUN	Kerosakan	Status Kemajuan Kerja
1	Pangsapuri Tulip Pandan Indah	MPAJ	CHEMPAKA	Salur air hujan (Gutter)	100%
2	Pangsapuri Inai Pandan Indah	MPAJ	CHEMPAKA	Cat	100%
3	Flat Pandan Jaya L28	MPAJ	CHEMPAKA	Cat	100%
4	RPKR Taman Cahaya	MPAJ	CHEMPAKA	Cat	100%
5	Merpati B Apartment	MPAJ	CHEMPAKA	Mencuci & mengecat tangki	100%
6	Blok A1 Taman Bukit Segar	MPAJ	TERATAI	Lif	100%
7	Blok A5 & A6 Taman Bukit Segar	MPAJ	TERATAI	Lif	100%

Fasa 3

Bil	Nama Kemajuan	PBT	DUN	Kerosakan	Status Kemajuan Kerja
1	Pangsapuri Nusa Kurnia	MPAJ	Teratai	Pagar	JMB Menolak Tawaran
2	Pangsapuri Pandan Jaya Blok L34 & L35	MPAJ	Chempaka	Mengecat	100%
3	Pangsapuri Kelompok Camar, Ampang Blok A	MPAJ	Lembah Jaya	Tukar bumbung	50%
4	Pangsapuri Kelompok Camar, Ampang Blok B	MPAJ	Lembah Jaya	Tukar bumbung	100%

Fasa 4

Bil	Nama Kemajuan	PBT	DUN	Kerosakan	Status Kemajuan Kerja
1	Cemara 1 & 2 Blok Cemara	MPAJ	TERATAI	Lif	Tunggu Akujanji JMB sebelum iklan projek.
2	Pangsapuri Bukit Baru	MPAJ	HULU KELANG	Kebocoran Tangki Utama	Proses Tender

Menunggu Tawaran

Bil	Nama Kemajuan	PBT	DUN	Kerosakan	Status Kemajuan Kerja
1	Pangsapuri Mutiara Court	MPAJ	LEMBAH JAYA	Paip air	Menunggu Tawaran
2	Pangsapuri Blok Kemboja J	MPAJ	LEMBAH JAYA	Cat Bangunan	Menunggu Tawaran
3	Flat Blok D, Taman Dagang Fasa 2a,	MPAJ	CHEMPAKA	Mengecat	Menunggu Tawaran
4	Pangsapuri Kenanga	MPAJ	BUKIT ANTARABANGSA	Pagar Sekeliling	Menunggu Tawaran
5	MELAWATI HILLSIDE APARTMENT	MPAJ	ULU KLANG	Bumbung Bocor	Menunggu Tawaran
6	Rumah Kedai 5 Tingkat Taman Pandan Mewah	MPAJ	CHEMPAKA	Mengecat	Menunggu Tawaran
7	Pangsapuri L5A	MPAJ	CHEMPAKA	Mengecat Kebocoran pada bumbung	Menunggu Tawaran
8	Pangsapuri L3A	MPAJ	CHEMPAKA	Mengecat Kebocoran pada bumbung	Menunggu Tawaran
9	Pangsapuri L25A	MPAJ	CHEMPAKA	Mengecat Kebocoran pada bumbung	Menunggu Tawaran
10	Pangsapuri L21A	MPAJ	CHEMPAKA	Mengecat Kebocoran pada bumbung	Menunggu Tawaran
11	Pangsapuri L18A & L19A	MPAJ	CHEMPAKA	Mengecat Kebocoran pada bumbung	Menunggu Tawaran
12	Pangsapuri L17A	MPAJ	CHEMPAKA	Mengecat Kebocoran pada bumbung	Menunggu Tawaran
13	Pangsapuri L15A & L16A	MPAJ	CHEMPAKA	Mengecat Kebocoran pada bumbung	Menunggu Tawaran

LAMPIRAN 5

**STATISTIK PEMERIKSAAN PREMIS MAKANAN
MENGIKUT KATEGORI DAN GRED BAGI TAHUN 2014 SEHINGGA
30 JUN 2014**

BIL	KATEGORI	JUMLAH KESELURUHAN PREMIS AKTIF	GRED			BIL KOMPAUN	
			A	B	C	9 (f)	47(1)(d)/ UUK 19(1)(d)
1.	RESTORAN	720	163	133	63	67	35
2.	MEDAN SELERA	158	32	23	5	15	0
3.	GERAI STATIK	91	7	15	3	6	9
4.	KANTIN	54	0	4	2	1	1
5.	UPEN	51	15	10	3	6	4
6.	BOT	82	9	7	1	1	4
JUMLAH		1156	226	192	77	96	53

$$\frac{226 \text{ (Gred A)} + 192 \text{ (Gred B)}}{495} \times 100$$

$$= 84.4 \%$$

**LARORAN OPERASI PENUTUPAN PREMIS TAK SUCI BERSAMA
PEJABAT KESIHATAN DAERAH HULU LANGAT / GOMBAK
MENGIKUT KATOGERI DAN GRED SEHINGGA JUN 2014**

BIL	TARIKH	LOKASI	BIL PREMIS DIPERIKSA	BIL PREMIS DIARAH TUTUP	BIL PREMIS KOMPAUN
1.	23.1.2014 (RABU)	RESTORAN PANDAN INDAH & TAMAN LEMBAH MAJU	99	25	0
2.	11.3.2014 (SELASA)	RESTORAN JALAN KOLAM AIR LAMA	3	0	0
		GERAI STATIK JALAN KOLAM AIR LAMA	5	1	0
3.	4.6.2014 (RABU)	BAZAR MELAWATI, TAMAN MELAWATI	12	0	0
4.	5.6.2014 (KHAMIS)	RESTORAN AMPANG POINT	20	4	0
JUMLAH			139	30	0

6.4.
LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA
PELESENAN DAN PEMBANGUNAN USAHAWAN
BIL.6/2014

**MESYUARAT JAWATANKUASA PELESENAN DAN
PEMBANGUNAN USAHAWAN
BIL.6/2014
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

TARIKH : 14 JULAI 2014

MASA : 9.30 PAGI - 11.39 PAGI

**TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,
TINGKAT 16, MENARA MPAJ**

KEHADIRAN

- | | | | |
|-----|--|---|------------------------|
| 1. | Tn. Abd. Hamid Bin Hussain
(Pemangku YDP, MPAJ) | - | Pengerusi |
| 2. | Tn. Haji Meor Rithuan Bin Mohamed Said | - | Ahli Majlis |
| 3. | Tn. Haji Abdul Jalil Bin Hasan | - | " |
| 4. | Pn. Wan Hasrina Binti Wan Hassan | - | " |
| 5. | Tn. Supiramany a/l Sinnapayal | - | " |
| 6. | Tn. Ahmad Fauzi Bin Mohd Kamis | - | " |
| 7. | Pn. Sian Keng Eng | - | " |
| 8. | Tn. Azlan Bin Maddin | - | " |
| 9. | Pn. Yogaswari a/p Ramalu | - | " |
| 10. | Tn. Johari Bin Atli | - | Pemangku
Setiausaha |

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

- | | | | |
|----|-----------------------|---|-------------|
| 1. | Tn. Mohamad Bin Samat | - | Ahli Majlis |
| 2. | Tn. Dr. Lai Fatt Sian | - | " |

**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL.06/2014**

**LAPORAN JAWATANKUASA PELESENAN DAN
PEMBANGUNAN USAHAWAN**

1. TUJUAN

Kertas ini dibentangkan bertujuan untuk mendapat pengesahan Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan.

2. LATARBELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan Bil. 06/2014 telah diadakan pada 14 Julai 2014 membincangkan serta memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

2.1 KERTAS MAKLUMAN PELAKSANAAN PENYEWAAN TIANG-TIANG LAMPU DALAM KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA BAGI PEMASANGAN 'BUNTING-PANEL'

2.1.1 Mesyuarat dikemukakan dengan kertas makluman pelaksanaan penyewaan tiang-tiang lampu dalam kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Ampang Jaya bagi pemasangan 'Bunting-Panel'.

2.1.2 Melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan Bil. 12/2013 bertarikh 18 Disember 2013 yang telah disahkan dalam Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 12/2013 bertarikh 24 Disember 2013, pihak Majlis telah bersetuju dan meluluskan permohonan untuk penyewaan tiang-tiang lampu dalam kawasan pentadbiran MPAJ bagi pemasangan '*bunting-panel*' kepada 4 syarikat dan surat tawaran kepada keempat-empat syarikat telah dikeluarkan pada 20 Januari 2014.

- (i) Infinite Edge Sdn. Bhd.
- (ii) Asli Media Sdn. Bhd.
- (iii) Andaman Media Sdn. Bhd.; dan
- (iv) Rainbow Media

dengan syarat-syarat tawaran adalah kadar sewaan adalah RM 30/unit/sebulan, tempoh sewaan adalah 2+1 tahun dan rebat kepada program rasmi anjuran Kerajaan Negeri Selangor / ADUN / MPAJ.

2.1.3 Penyewaan ini diluluskan bagi mengatasi kelemahan-kelemahan dalam perlaksanaan penggantungan '*bunting*' melalui kaedah konvensional iaitu:

- (i) semakin tiang-tiang lampu yang boleh disewakan adalah melalui kaedah manual;
- (ii) pelekat kelulusan '*bunting*' palsu;
- (iii) aduan berkaitan '*bunting*' yang telah diluluskan dan dipasang telah diturunkan oleh pihak-pihak yang tidak dapat dikenalpasti;
- (iv) terlalu banyak '*bunting*' yang dinaikkan tanpa kelulusan;

- (v) dawai pengikat '*bunting*' ditinggalkan pada tiang lampu;
- (vi) '*bunting*' yang tamat tempoh tidak diturunkan;
- (vii) kesukaran pemantauan dengan jumlah taman perumahan dan jumlah tiang lampu yang banyak berbanding jumlah kakitangan; dan
- (viii) kesukaran penurunan '*bunting*' yang tidak mendapat kelulusan / tidak diturunkan selepas tamat tempoh.

2.1.6 Faedah lain yang diterima oleh Majlis melalui pelaksanaan ini ialah:

- (i) Pihak Majlis mendapat hasil awalan (bergantung kepada jumlah tiang yang diluluskan) dan tidak akan mengurangkan hasil sedia ada;
- (ii) '*bunting*' digantung dengan lebih kemas dan teratur;
- (iii) mengatasi kelemahan penggantungan '*bunting*' melalui kaedah konvensional;
- (iv) mengurangkan kos tuntutan lebih masa yang semakin meningkat; dan
- (v) kakitangan sedia ada dapat memberikan lebih fokus dan menjalankan tugas lain.

2.1.7. Dalam menentukan bentuk dan konsep panel, pihak syarikat telah menjalankan kajian pasaran dan memanggil beberapa syarikat kontraktor yang berkecualan untuk mengemukakan cadangan rekabentuk yang paling sesuai, mudah dilaksanakan dan dengan kos yang berpatutan.

2.1.8. Harga kos bagi seunit panel adalah seperti berikut:

Bil.	Perkara	Harga (RM)
A.	KOS AWALAN	
1.	Panel (kos awalan)	250.00
2.	Poly-propylene sheet (termasuk 'mould' kerana bukan saiz dan tebal yang standard bagi 'pp sheet' - perlu tempah khas)	80.00
	JUMLAH	330.00
B.	KOS BAGI SETIAP PEMASANGAN	
1.	Membuka dan memasang	21.00
2.	Cetakan (purata – harga akan berbeza mengikut kuantiti yang dicetak)	28.00
3.	Buruh (bagi kerja-kerja menampal ke atas 'pp sheet')	5.00
4.	Sewaan tiang	30.00
5.	Pemantauan dan penguatkuasaan (gaji pekerja, logistik – kenderaan, minyak dll.)	10.00
6.	Lain-lain (misc.)	5.00
	JUMLAH	99.00

* tidak mengambilkira kos penyelenggaraan, kos pertukaran pp sheet, kos pengurusan pejabat dll.

2.1.9. Jenis 'material' panel yang digunakan adalah aluminium frame, galvanized anti-rust frame, galvanized anti-rust bracket, anti rust screw dan

coated with anti-rust paint. Setakat ini, hampir 800 panel telah dipasang di kawasan MPAJ.

2.1.10 Berdasarkan semakan ke atas invois-invois pihak syarikat dan ke atas pelanggan yang telah menyewa, kadar sewaan yang dikenakan adalah di antara RM 110 – RM 150 per unit.

2.1.11 Harga siling sewaan ditetapkan pada RM 150/unit.

2.1.12 Berdasarkan semakan Jabatan, terdapat beberapa syarikat yang mempunyai konsep pengiklanan 'bunting-panel' seperti berikut:

BIL.	NAMA SYKT.	LOKASI	PBT	HARGA SEWAAN (RM)
1.	Toyo Media Sdn. Bhd.	Melaka	MBMB	185.00
2.	Empire Media	L'raya DUKE	DBKL	220.00 – 250.00
3.	Empire Media	L'raya LKSA	MBSA	250.00 – 280.00

2.1.13. Dengan merujuk kepada perbandingan harga seperti Jadual di atas, harga sewaan yang ditawarkan oleh syarikat yang dilantik oleh pihak Majlis masih pada kadar yang berpatutan.

2.1.14 Mesyuarat mengambil maklum berkenaan kertas makluman pelaksanaan penyewaan tiang-tiang lampu dalam kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Ampang Jaya bagi pemasangan 'Bunting-Panel'. Mesyuarat memohon semakan :

- i. pihak syarikat boleh menukar warna coklat pada panel.
- ii. memastikan jumlah yang dipasang adalah sama dengan jumlah bayaran kepada majlis.
- iii. kawalan harga maksimum pada RM 150.00 sahaja.
- iv. kajian visual yang perlu dipasang jika panel kosong tanpa penyewa.
- v. Dicadangkan dibuka kepada 2 @ 3 syarikat lagi.

**3. MESYUARAT MEMBINCANGKAN PERKARA-PERKARA BERBANGKIT
SEPERTI BERIKUT :**

3.1. TEMPAT STRATEGIK UNTUK PENIAGA GERAJ

Jabatan memaklumkan belum ada sebarang maklum balas diterima berkenaan tapak cadangan untuk dijadikan tapak berniaga di Ampang Campuran di simpang empat menuju Ampang Avenue. Pihak Majlis telah menghantar permohonan untuk menukarkan status tanah tersebut kepada tanah perniagaan kepada Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat.

Jabatan Penguatkuasa diminta mengambil tindakan terhadap perniagaan kitar semula yang beroperasi tanpa lesen di kawasan tersebut.

Tindakan:

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta/

Jabatan Penguatkuasa

3.2. SAMBUNGAN HARAM DI FLAT AR RIDHUAN

Berhubung isu penyambungan haram oleh 12 premis di Flat Ar Ridhuan, perbincangan yang dijalankan oleh Jabatan Penguatkuasa bersama Bahagian COB mendapati pihak JMB tidak menyokong bagi pembinaan sambungan tersebut.

Walau bagaimanapun pihak JMB menghadapi kesukaran untuk mengambil tindakan ke atas premis-premis tersebut. Pemeriksaan mendapati ke semua premis telah membuat sambungan di bahagian hadapan. Perbincangan lanjut

akan diadakan antara Jabatan Penguatkuasa, Pelesenan, Bangunan dan Senibina serta Bahagian COB.

Tindakan:

**Jabatan Penguatkuasa/Jabatan Pelesenan
Jabatan Bangunan dan Senibina/Bahagian COB**

3.3. GERAJ HARAM DI AU3/1 TAMAN KERAMAT

Pihak Jabatan telah mengeluarkan permit sementara kepada 3 penjaja di tapak letak kereta AU3/1 Taman Keramat. Tarikh permit dikeluarkan pada 5 Jun 2014. Pemantauan berterusan untuk memastikan penjaja sentiasa mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Jabatan juga telah menawarkan penempatan lain bagi Restoren Aladdin namun pihak restoren belum memberikan sebarang maklumbalas. Jabatan juga akan membuat semakan dengan Jabatan Perancang Bandar berkenaan status tanah dan akan melaporkan dalam mesyuarat akan datang.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

3.4. BESI BURUK DIBUANG DI KAWASAN TANAH LAPANG

Pihak jabatan telah mengeluarkan 7 kompaun kepada 2 buah bengkel yang membuang besi-besi buruk di kawasan tanah lapang di Pandan Mewah iaitu:

- i. Titan Platform Sdn.Bhd. beralamat di No. 47 Jalan Mewah Pandan Mewah Industri, Ampang.

- ii. Yap See Iron Works, 52 , Jalan Mewah 3/5 Pandan Mewah, Ampang Selangor.

Pihak jabatan akan menyelaras tindakan sitaan jika pemilik masih gagal mematuhi arahan majlis. Tindakan kompaun juga akan dilaksanakan berterusan.

Tindakan :

Jabatan Penguatkuasa

3.5. SEMAKAN TAPAK LAPANG DIJADIKAN TAPAK SEMAIAN

Tapak lapang di simpang Jalan Putra Sulaiman 4, Taman Ampang Hilir yang dijadikan tapak semaian oleh Syarikat Pandan Puri Corporation (M) Sdn. Bhd. merupakan rezab kawasan lapang yang telah diwartakan pada 10 Jun 2010 dengan no warta 1770. Pihak Jabatan telah mengeluarkan surat bertarikh 9 Julai 2014 kepada Pejabat Tanah Daerah Hulu Langat (PTDHL) untuk tindakan penguatkuasaan ke atas pencerobohan rezab kerajaan.

Tindakan :

Jabatan Perancang Bandar

3.6 MAKLUMAT PUSAT-PUSAT PERJUDIAN HARAM

Jabatan Pelesenan memaklumkan sebanyak 97 premis yang tiada lesen kerana ditangguhkan oleh MPAJ (Pusat siber / kafe siber baru).

Berhubung dengan kegiatan pusat perjudian haram, pada 25 Jun 2014, Pejabat Daerah Hulu Langat telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Tindakan Bersepadu

Membanteras Judi Haram Daerah Hulu Langat yang melibatkan Polis, SKMM, JAIS dan PBT. Bagi tahun 2014 pihak Jabatan Penguatkuasa dan Jabatan Pelesenan telah menjalankan tindakan seperti berikut:-

- i. 122 kompaun
- ii. 31 Sitaan

Daripada rekod Jabatan Penguatkuasa, sebanyak 127 premis pusat siber/kafe siber yang tidak berlesen termasuk bilangan 97 premis yang ditangguhkan permohonan mereka. Premis-premis ini disyaki menjalankan perjudian secara online. Pihak Jabatan telah mengemukakan butir-butir dan maklumat kepada pihak polis untuk tindakan. Sehingga kini, pihak polis telah membuat 59 serbuan di premis pusat siber di kawasan MPAJ.

Mesyyuarat memutuskan tindakan penguatkuasaan berterusan diambil mengikut bidang kuasa masing-masing. Mesyyuarat juga memohon supaya semakan dibuat berkenaan status pusat siber bersebelahan Klinik Idzham di Pandan Jaya.

Tindakan :

Jabatan Penguatkuasa/Polis

3.7 AKTIVITI PERNIAGAAN TANPA PAPAN TANDA PERNIAGAAN

Pihak Majlis tidak mewajibkan peniaga untuk memohon lesen papan iklan bagi menjalankan perniagaan. Walau bagaimanapun adalah wajib jika peniaga ingin memasang papan iklan setelah mendapat lesen premis perniagaan mematuhi syarat yang ditetapkan.

Berhubung kedai-kedai yang menjalankan aktiviti perniagaan tanpa meletakkan papan tanda perniagaan di sekitar Jalan Cempaka 15 dan 16 Taman Cempaka serta di Jalan Cahaya 14 dan 15, Taman Cahaya, jabatan memaklumkan semakan yang dibuat di lokasi yang menjalankan perniagaan tanpa meletakkan papan tanda perniagaan secara keseluruhan terdapat 10 premis perniagaan, 9 berlesen dan 1 tidak berlesen.

Makluman

3.8 PERTAMBAHAN PENJAJA DI KIOSK MPAJ JALAN CEMPAKA 8

Pihak Jabatan telah mengambil tindakan penguatkuasaan iaitu sitaan pada 4 Julai 2014 . No inventori : 15493 dan 15494 terhadap penjaja haram yang berniaga selain di kiosk MPAJ Jalan Cempaka 8 Taman Cempaka. Pihak Jabatan juga mempunyai perancangan untuk menambah bilangan kiosk di lokasi ini.

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

3.9 PERMOHONAN TEBANG POKOK

Jabatan dalam proses penyediaan spesifikasi kerja bagi permohonan penebangan pokok di Sekolah Agama (Kafa Integrasi) Taman Melawati berhadapan International School dan belakang deretan kedai Jalan E1, Taman Melawati.

Tindakan :

Jabatan Belia dan Masyarakat

(Minit mesyuarat akan dipindahkan ke Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan Bil 6/2014)

3.10 KEPERLUAN SURAU DI PASAR JUADAH PANDAN INDAH

Jabatan memaklumkan Pejabat ADUN Cempaka telah memasang 1 kanopi bagi memudahkan peniaga yang ingin menjalankan ibadat solat di lokasi ini. Selain daripada itu, surau yang berhampiran juga ada iaitu Surau Ar Raihan berdekatan dengan Balai Bomba.

Makluman

4.0 HAL-HAL LAIN**4.1. SEMAKAN STATUS LESEN RESTORAN FATIMAH GHOU**

Mohon jabatan untuk membuat semakan terhadap Restoren Fatimah Ghous di Ampang Mewah yang meletakkan kerusi dan meja di atas jalan sehingga menyebabkan halangan.

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

4.2. PENIAGA HARAM DI SEKITAR AMPANG POINT

Terdapat lagi peniaga haram di sekitar Ampang Point yang merupakan pendatang asing. Peniaga haram ini telah menyebabkan lokasi tersebut berminyak dan kotor. Peniaga ini mula berniaga pada jam 12.00 tengah hari terutama peniaga pisang goreng di hadapan Habib Jewel.

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

4.3 PENUBUHAN KELAB UNITY DI TAMAN CHERAS INDAH

Banyak pertanyaan daripada penduduk berkenaan kewujudan Kelab Unity di Taman Cheras Indah. Pusat ini pada mulanya dikenali sebagai kelab Rekreasi dan telah bertukar ke Kelab Unity dan tidak disenangi oleh penduduk setempat. Penduduk mohon penjelasan penubuhan kelab tersebut dan disemak jenis aktiviti yang dibenarkan dijalankan di Kelab tersebut.

Tindakan :

Jabatan Pelesenan

4.4 LONGKANG PECAH

Terdapat longkang pecah di belakang rumah no 394 hingga no 400 Jalan F11 Taman Melawati mohon dibaiki

(Minit mesyuarat akan dipindahkan ke Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam Bil 6/2014.)

Tindakan :

Jabatan Kejuruteraan

4.5. GERAJ HARAM

Masih terdapat gerai haram di Sub Station di Bukit Permai, walaupun tindakan penguatkuasaan telah diambil di lokasi tersebut.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

4.6. SEMAK STATUS PERNIAGAAN BERHAMPIRAN HOME INN

Mohon disemak perniagaan berhampiran Home Inn di Taman Bukit Segar yang disyaki pusat siber tanpa lesen.

Tindakan:

Jabatan Pelesenan

5.0 PENUTUP

Mesyuarat Penuh Majlis adalah diminta untuk menimbangkan dan mengesahkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan.

Disediakan Oleh:
Bahagian Urusetia
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
20 Julai 2014

6.5.

**LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA
INFRASTUKTUR DAN KEMUDAHAN AWAM
BIL.5/2014**

**MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN
KEMUDAHAN AWAM
BIL.5/2014
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

TARIKH : 16 JULAI 2014
MASA : 9.30 PAGI - 11.52 PAGI
**TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,
TINGKAT 16, MENARA MPAJ**

KEHADIRAN

- | | | | |
|-----|--|---|------------------------|
| 1. | Tn. Abd. Hamid Bin Hussain
(Pemangku YDP, MPAJ) | - | Pengerusi |
| 2. | Tn. Haji Meor Rithuan Bin Mohamed Said | - | Ahli Majlis |
| 3. | Tn. Haji Abdul Jalil Bin Hasan | - | " |
| 4. | Pn. Wan Hasrina Binti Wan Hassan | - | " |
| 5. | Pn. Sian Keng Eng | - | " |
| 6. | Tn. Supiramany a/l Sinnapayal | - | " |
| 7. | Tn. Ahmad Fauzi Bin Mohd Kamis | - | " |
| 8. | Tn. Lim Fong Len | - | " |
| 9. | Pn. Sharifah Haslizah Binti Syed Ariffin | - | " |
| 10. | Tn. Azlan Bin Maddin | - | " |
| 11. | Tn. Johari Bin Atli | - | Pemangku
Setiausaha |

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

- | | | | |
|----|-----------------------|---|-------------|
| 1. | Tn. Mohamad Bin Samat | - | Ahli Majlis |
|----|-----------------------|---|-------------|

**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL 06/2014**

**LAPORAN JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR
DAN KEMUDAHAN AWAM**

1. TUJUAN

Kertas ini dibentangkan bertujuan untuk mendapat pengesahan Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam.

2. LATARBELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam Bil. 05/2014 telah diadakan pada 16 Julai 2014 membincangkan serta memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

2.1. PENYELENGGARAAN SUNGAI KONGSI 8

Pihak JPS memaklumkan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembersihan Sungai Kongsi 8 di Taman TAR dalam tindakan pihak kontraktor dan dijangka siap pada hujung tahun ini.

**Tindakan:
JPS Gombak**

2.2. TEBING RUNTUH

Kerja - kerja pembaikan tebing runtuh (monsoon drain) di Jalan Enggang 13 telah diluluskan. Pihak kontraktor telah mengemukakan permohonan permit kerja kepada pihak TNB. Pihak jabatan masih menunggu maklumbalas daripada pihak TNB bagi menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan di dalam kawasan tanah pentadbirannya. Sekiranya tiada juga sebarang maklumbalas diterima dari pihak TNB, jabatan akan membentangkan semula isu ini di dalam Jawatankuasa Sebutarga untuk keputusan selanjutnya.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

2.3. LAMPU JALAN

Pihak JKR memaklumkan selepas kajian dijalankan didapati tiada kesesuaian untuk pemasangan lampu jalan di Jalan Langat dari Tasek Tambahan ke Menara Tinjau kerana kawasan tersebut bukan kawasan perumahan.

Jabatan memaklumkan isu ini perlu dipertimbangkan oleh pihak JKR bagi pengguna jalan raya terutama pada waktu hujan. Kawasan jalan raya ini juga berkabus pada waktu tengah malam. Jabatan juga telah menghantar surat makluman berkenaan anggaran kos pemasangan dan cadangan reka bentuk kepada ADUN untuk mendapatkan peruntukan.

Makluman

2.4. RUMAH SAMPAH DI FLAT PANDAN UTAMA

Berhubung isu pembinaan rumah sampah di Flat Pandan Utama, pihak jabatan telah mengadakan mesyuarat dengan pihak pemaju Amal Mawar Sdn. Bhd., Menara Hikmat dan Sri Wijaya. Hanya pemaju Amal Mawar yang hadir. Tiada keputusan dibuat disebabkan Amal Mawar merupakan pemaju fasa ke-2. Jabatan akan mengadakan mesyuarat dengan pihak Syabas pada 17 Julai 2014.

Tindakan:
Jabatan Bangunan dan Senibina

2.5. SETINGGAN DI KG MUHIBBAH

Pihak PTD Hulu Langat telah mengeluarkan 5 notis bagi perobohan 15 unit setingan di Jalan Sri Idaman, Kg. Muhibbah yang didiami oleh warga asing (Indonesia). Notis tersebut tamat pada 7 Jun 2014. Mesyuarat bersetuju untuk menangguhkan tindakan perobohan sehingga selepas Hari Raya Aidilfitri. Tarikh perobohan ditangguhkan dan akan dibincangkan semula pada mesyuarat yang akan diadakan pada 3 Ogos 2014.

Tindakan :
PTD Hulu Langat/
Jabatan Perancang Bandar

2.6. PEMBINAAN TANGKI AIR

Berhubung isu tangki air di Taman Pandan Utama, Kg Pandan Fasa 1 dan 2 dan ke atas 3 buah rumah di tapak tangki air di Jalan E, Kg Pandan Dalam, pihak jabatan telah

mengadakan mesyuarat dengan pihak pemaju Amal Mawar Sdn. Bhd., Menara Hikmat dan Sri Wijaya. Hanya pemaju Amal Mawar yang hadir. Tiada keputusan dibuat disebabkan Amal Mawar merupakan pemaju fasa ke-2. Jabatan akan mengadakan mesyuarat dengan pihak Syabas pada 17 Julai 2014.

Tindakan:
Jabatan Bangunan dan Senibina

2.7. KAWASAN TERNAKAN DI LERENG JALAN

Pihak PTD Hulu Langat memaklumkan tiada arahan lanjut dikeluarkan oleh pihak Kerajaan Negeri untuk kawasan-kawasan yang telah diberikan TOL yang telah tamat tempoh. Pihak PTD Hulu Langat akan menyemak semula berhubung isu kebenaran TOL yang diberikan terhadap kawasan ternakan di lereng jalan di Jalan Hulu Langat kepada pihak Kerajaan Negeri.

Tindakan :
PTD Hulu Langat

2.8. ISU PEMBINAAN SEKOLAH KEBANGSAAN UKAY PERDANA

Berhubung isu pembinaan Sekolah Kebangsaan Ukay Perdana, Mesyuarat khas JKTPKSAS telah diadakan semula pada 11 Jun 2014. Perunding sedang dalam tindakan untuk mengemukakan perincian skop kerja dan peruntukan kewangan untuk skop kerja pemantauan kerana tapak cadangan melibatkan kawasan cerun.

Tindakan :
**Jabatan Perancang Bandar/
Jabatan Kejuruteraan**

2.9. PERMOHONAN TOL

Pihak PTD Gombak memaklumkan tidak menerima sebarang permohonan TOL daripada Persatuan Penduduk Taman Sering Ukay, Ukay Perdana berhubung pembinaan pondok pengawal dan boom gate. Permohonan telah diluluskan pada 19 Julai 2013 dalam Mesyuarat J/K OSC Bil.14/2013. Jabatan Perancang Bandar diminta menyemak semula isu ini.

Tindakan:
PTD Gombak/
Jabatan Perancang Bandar

2.10. MOHON LINTASAN BELANG DAN 'SPEED BREAKER'

Kerja-kerja menyediakan lintasan belang 'zebra crossing' dan 'speedbreaker' di persimpangan Jalan 1 (lampu isyarat) dan lampu isyarat persimpangan Jalan Tasek Tambahan 1 dengan Jalan Tasek Tambahan akan bermula pada pertengahan bulan Julai 2014.

Tindakan :
JKR Hulu Langat

2.11. KEPERLUAN KEMUDAHAN DEWAN

Taklimat tender bagi kerja-kerja pembinaan Dewan Orang Ramai di Zon 24 telah diadakan pada 16 Julai 2014. Tarikh tutup tender adalah pada 30 Julai 2014.

Tindakan :
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

2.12. PENDAWAIAN ELEKTRIK HARAM

Perbincangan bersama ADUN, Ahli Majlis dan peniaga berhubung isu penyambungan elektrik tanpa kebenaran untuk kegunaan gerai-gerai haram di sekitar kawasan lapang Flat Taman Dagang Fasa 2A masih belum dapat dilaksanakan. Pemantauan dari masa ke semasa terus dijalankan dan keadaan di tapak adalah terkawal.

Tindakan :
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

2.13. MENAIKTARAF DAN PEMBERSIHAN JEJANTAS DI PANDAN INDAH

Kerja-kerja penyelenggaraan jejantas di Pandan Indah sedang dilaksanakan dan hampir selesai. Kerja-kerja penggantian bumbung yang rosak juga telah dilaksanakan.

Makluman

2.14. STATUS TOKONG DAN LAMAN (LANSKAP)

Berhubung isu tokong kecil di Jalan Cempaka 15, Taman Cempaka yang didapati tiada mendapat kebenaran, jabatan telah mengadakan perbincangan dengan pemilik tokong kecil pada 17 Jun 2014 dan tiada jalan penyelesaian. Jabatan akan membawa perkara ini ke Jawatankuasa Rumah Ibadat Selaian Islam pada September 2014.

Tindakan:
Jabatan Bangunan dan Senibina

2.15. PENGUBAHSUAIAN TANPA KEBENARAN

Berhubung isu kerja-kerja pengubahsuaian dapur rumah tanpa kebenaran di No. 18, Jalan Indah 34, Cheras Indah , notis seksyen 72 (arahan mengosongkan bangunan) telah dikeluarkan pada 22 Oktober 2013. Pihak pemilik masih tidak mematuhi arahan notis dan jabatan telah menghantar kertas siasatan ke Jabatan Undang-undang untuk tindakan selanjutnya. Tindakan terhadap ubahsuai tersebut ditangguhkan terlebih dahulu kerana:

- i. Dari sudut pemerhatian jabatan mendapati kebanyakan rumah di kawasan tersebut membuat ubahsuai tanpa kelulusan MPAJ. Sekiranya tindakan perobohan juga perlu diambil kepada struktur-struktur lain di kawasan tersebut.
- ii. Pengadu iaitu jiran bersebelahan lot tersebut tidak lagi menetap di situ dan tiada aduan lanjut diterima.

Makluman

2.16. STATUS IKS DI AU3 TAMAN KERAMAT

Projek pembinaan IKS AU3 Taman Keramat bagi menempatkan semula IKS AU3 Taman Keramat yang akan dirobohkan bagi membolehkan projek ROL berjalan lancar adalah dalam peringkat akhir pemilihan perunding yang bertauliah yang akan bertanggungjawab menyediakan dokumen terperinci berhubung pelaksanaan projek tersebut.

**Tindakan:
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta**

2.17. PEMBAIKAN JALAN DI JALAN BESAR AMPANG

Pihak JKR memaklumkan jabatan telah menerima peruntukan MARRIS bagi kerja-kerja pembaikan Jalan Besar Ampang menghala ke LRT Ampang. Kerja-kerja akan dilaksanakan pada bulan Ogos 2014.

Tindakan:
JKR Hulu Langat

2.18. PENGOPERASIAN TADIKA HARAM

Berhubung aktiviti tadika haram yang beroperasi di Jalan 1 Taman TAR, pihak pemohon telah menfailkan kes ke Lembaga Rayuan untuk kes-kes kesalahan yang telah dikenakan ke atas pemilik taska tersebut. Tarikh perbicaraan dijangka pada 17 Julai 2014.

Tindakan:
Jabatan Perancang Bandar

2.19. POTONG POKOK

Kerja-kerja pemotongan pokok di lereng bukit berdekatan Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Seraya telah dilaksanakan.

Makluman

2.20. PERMOHONAN CANTAS POKOK

Kerja-kerja cantasan pokok di Jalan Bukit Segar Jaya dalam tindakan kontraktor. Manakala pokok berhampiran Pangsapuri Meranti, Cheras Hartamas telah dicantas.

Tindakan:**Jabatan Belia dan Masyarakat****2.21. PEMBAIKAN LANTAI GELANGGANG BOLA KERANJANG DI PADANG PERBANDARAN**

Kerja-kerja pembaikan lantai gelanggang bola keranjang di Padang Perbandaran Pandan Indah telah dilaksanakan.

Makluman**2.22. PEMBERSIHAN LONGKANG DI SEKITAR BAZAR MELAWATI**

Pembersihan longkang di sekitar Bazar Melawati, Pusat Bandar Melawati sehingga kini adalah terkawal dan mengikut jadual. Kerja-kerja pembersihan 'sump' tersumbat telah dilaksanakan pada 16 hingga 27 Jun 2014 terutamanya di sekeliling Bazar Melawati.

Makluman**2.23. PERMOHONAN BAIKI DEWAN**

Pihak jabatan memaklumkan kerja-kerja merobohkan Dewan Taman Halaman di Jalan 5, Taman Halaman yang terlalu usang telah dilaksanakan. Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta telah memaklumkan kepada Jabatan Belia dan Masyarakat untuk kerja-kerja menaiktaraf tapak dewan tersebut untuk dijadikan gelanggang badminton.

Tindakan:**Jabatan Belia dan Masyarakat**

2.24. PERMOHONAN LINTASAN BELANG

Pihak JKR memaklumkan bagi permohonan lintasan belang di hadapan Westcourt Ampang Waterfront Fasa 2 (sebelum lampu isyarat simpang empat Taman Kosas) dalam proses sebutharga dan kerja-kerja dijangka akan bermula pada bulan Julai 2014.

Tindakan:
JKR Hulu Langat

2.25. MENAIKTARAF PADANG

Kerja-kerja menaiktaraf struktur tanah/ rumput padang bola di Jalan Rasmi 8, Taman Rasmi Jaya dalam tindakan pihak kontraktor.

Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat

2.26. PEMBINAAN BONGGOL / JEJANTAS

Berhubung isu pembinaan bonggol di Jalan Bunga Melati 8, Taman Seraya pihak JKR memaklumkan pemasangan bonggol akan dilaksanakan perlu mengikut arahan dan garis panduan pembinaan bonggol dan penyemakan kriteria bonggol sediaada supaya terdapat penyeragaman antara setiap Daerah di Selangor.

Tindakan:
JKR Hulu Langat

2.27. PELEBARAN JALAN DI PERSIMPANGAN LAMPU ISYARAT JALAN BUNGA MELATI 8 TAMAN SERAYA

Berhubung permohonan pelebaran jalan di persimpangan lampu isyarat (arah ke kiri) Jalan Bunga Melati 8 Taman Seraya adalah di bawah penyelenggaraan pihak JKR.

Tindakan:
JKR Hulu Langat

2.28. KERJA-KERJA MENAIKTARAF PADANG TAMAN MUDA

Kerja-kerja menaik taraf padang di Jalan Bunga Melur 11 Taman Muda dalam tindakan pihak kontraktor.

Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat

2.29. CANTAS POKOK

Kerja-kerja cantasan pokok d lokasi-lokasi berikut dalam tindakan pihak kontraktor.

- i. Pokok-pokok dan tumbuhan di sepanjang Jalan Bukit Segar Jaya. Dahan telah condong ke tengah jalan
- ii. Pokok di Jalan Cheras Hartamas berdekatan Pangsapuri Kempas telah tumbuh di lorong jalan sebelah kiri.

Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat

2.30. PERMOHONAN MENAIKTARAF PADANG PERMAINAN KANAK-KANAK

Kerja-kerja menaik taraf taman permainan kanak-kanak di Taman Cempaka belakang Dewan Taman Cempaka Kg. Pandan dalam tindakan jabatan.

Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat

2.31. PERMOHONAN UNTUK MENINGGIKAN PENGADANG TAPAK FUTSAL

Kerja-kerja pembaikan pengadang tapak futsal di tepi Lebuhraya MRR2 susur keluar dari Kg Pandan dalam tindakan pihak kontraktor. Mesyuarat meminta jabatan supaya meninggikan lagi pengadang tersebut mengikut kesesuaian memandangkan terdapat lagi bola yang terkeluar ke jalan raya.

Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat

2.32. PERMOHONAN MENAIKTARAF JALAN

Semakan mendapati jalan di Jalan Nirwana 1 (hadapan Petronas) lokasi di persimpangan Lampu Isyarat hadapan Klinik Kg Pandan hingga Lampu Isyarat berhampiran Tangki Air Syabas tersebut perlu diturap semula. Jabatan mencadangkan untuk disenaraikan dalam perancangan kerja di bawah peruntukkan MARRIS yang dijangka pada Bulan September 2014.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

2.33. PERMOHONAN PEMBAIKAN PADANG

Kerja-kerja pembaikan padang bola di Jalan Teratai 1/9B Taman Bukit Teratai Ampang dalam tindakan penyelenggaraan jabatan.

Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat

2.34. PERMOHONAN MEMBAIK PULIH GELANGGANG TENIS

Kerja-kerja membaik pulih gelanggang tenis di padang Jalan Teratai 1/9B, Taman Bukit Teratai telah dilaksanakan oleh pekerja Majlis.

Makluman

2.35. TANAH AWAM DI JADIKAN RUMAH KEDIAMAN

Mesyuarat penyelarasan berhubung isu tapak bekas kedai menjual alatan memancing di Jalan AU 1A/2, Taman Keramat berhampiran kedai tomyam dan berhadapan pasar ikan telah dijadikan rumah kediaman akan diadakan selepas Hari Raya Aidilfitri. Jabatan telah mengeluarkan notis 72(1) meroboh struktur.

Tindakan:
PTD Gombak

2.36. PEMBERSIHAN TANAH KOSONG

Kerja-kerja pemotongan rumput dan semak di tanah kosong milik MAIS di Jalan 6/1 Pandan Indah masih belum dilaksanakan oleh pihak MAIS. Walaubagaimana pun kerja-

kerja pembersihan 10 kaki dari longkang telah dilaksanakan oleh jabatan. Jabatan Perancang Bandar diminta untuk menyemak samada kawasan tanah kosong tersebut boleh dibangunkan atau pun tidak supaya ia tidak dibiarkan kosong dan ditumbuhi lalang.

Tindakan:
Jabatan Perancang Bandar

2.37. PERMOHONAN KERJA PENURAPAN JALAN

Berhubung isu lorong di antara Jalan Pandan Indah 2/10 dan Jalan Bunga Matahari 1 di Taman Maju Jaya Fasa 3, yang minta diturap, pihak jabatan memaklumkan tiada keperluan yang mendesak bagi kerja-kerja turapan.

Makluman

2.38. HAKISAN SUNGAI

Terdapat aduan hakisan sungai di bawah seliaan pihak JPS di lokasi berikut:

- i. Jalan Bunga Tanjung 2, Taman Muda
- ii. Jalan 19, Taman Putra Ampang.

Mohon pihak JPS mengambil tindakan pembaikan dengan kadar segera.

Tindakan:
JPS Hulu Langat

2.39. PERMOHONAN PEMBAIKAN LONGKANG ROSAK

Jabatan memaklumkan bagi kerja-kerja pembaikan longkang rosak di lokasi-lokasi tersebut adalah seperti berikut:

- i. Longkang roboh berhampiran Blok L 30 Jln Pandan 4, Pandan Jaya – Dilaksanakan oleh pihak pemaju
- ii. Pembaikan longkang roboh di Jalan Pandan 4 (berhampiran PPAS Perpustakaan Komuniti Pandan Jaya) telah dilaksanakan.
- iii. Pembaikan longkang roboh di Persiaran Pandan 7, Pandan Jaya telah dilaksanakan.

Makluman

2.40. PERMOHONAN PEMBAIKAN JALAN DIJALAN PANDAN 5

Jabatan memaklumkan bahu jalan yang berlopak dan berair di sepanjang Jalan Pandan 5, Pandan Jaya terutama sekali di hadapan SMK Pandan Jaya dan SK Pandan Jaya telah ditambah dengan 'crusher run'.

Makluman

2.41. PERMOHONAN PEMBAIKAN JALAN

Kerja-kerja pembaikan jalan di lokasi berikut telah dilaksanakan.

- i. Jalan Pandan 2, Pandan Jaya.
- ii. Jalan Pandan 5, Pandan Jaya.
- iii. Jalan masuk ke Medan Selera dari Jalan Persiaran 3, Pandan Jaya.

Makluman

2.42. PERMOHONAN KERJA MENAIKTARAF LONGKANG

Kerja-kerja naik taraf longkang di Jalan Kemajuan Kg Pandan (Kg Pandan Luar) yang menyebabkan air tidak mengalir dan mengeluarkan bau yang tidak menyenangkan telah dilaksanakan.

Makluman

2.43. PERMOHONAN PEMBAIKAN JALAN

Kerja-kerja penyelenggaraan kerosakan jalan di hadapan Sekolah Rendah Pandan Indah sedang dalam tindakan kontraktor.

**Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan**

2.44. KERJA-KERJA PEMBERSIHAN SUNGAI KERAYONG

Pihak JPS Hulu Langat diminta untuk melaksanakan pembersihan sungai di tebing Sungai Kerayong antara Jalan Bunga Raya hingga ke Taman Pandan Indah.

**Tindakan:
JPS Hulu Langat**

SULIT

2.45. ISU DI DEWAN ORANG RAMAI KG. KEMENSAH

Status kerja-kerja penyelenggaraan Dewan Orang Ramai, Kg. Kemensah adalah seperti berikut:

- i. Tanah runtuh di belakang dewan sedang dalam tindakan Jabatan Kejuruteraan
- ii. Pembinaan pintu masuk ke kawasan dewan dalam tindakan Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta.

Tindakan:
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta/
Jabatan Kejuruteraan

2.46. PERMOHONAN LAMPU KUNING

Kerja-kerja pemasangan lampu kuning di hentian bas di persimpangan Taman Industri Lembah Jaya dalam tindakan pihak kontraktor.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

2.47. KERJA-KERJA PENURAPAN JALAN

Kerja-kerja penurapan jalan bagi Taman Dagang Jaya, Lembah Jaya telah dilaksanakan.

Makluman

2.48. JALAN BERLUBANG

Kerja-kerja penyelenggaraan jalan berlubang di sepanjang Jalan Teratai 1 /2, Taman Muda di bawah tanggungjawab pihak JKR. Surat makluman kepada pihak JKR telah dikeluarkan pada 13 Jun 2014.

Tindakan:
JKR Hulu Langat

2.49. PELEBARAN JALAN DI PERSIMPANGAN LAMPU ISYARAT

Pihak jabatan memaklumkan bagi permohonan melaksanakan kerja-kerja pelebaran jalan di persimpangan Jalan Bunga Mawar 4 dan Jalan Bunga Teratai 1 /2 akan dilaksanakan perancangan secara berperingkat.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

2.50. RUMAH RETAK DI TAMAN BUKIT SEGAR JAYA 1

Semakan jabatan pada 2 Julai 2014 terhadap retakan berlaku di bahagian belakang rumah di rumah No. 77, Jalan BSJ 1, Taman Bukit Segar Jaya 1, adalah disebabkan pada sambungan ubahsuai bahagian belakang. Kelulusan dibuat pada 2005 dan ianya adalah tanggungjawab pemilik rumah tersebut.

Makluman

2.51. GERAJ HARAM

Semakan jabatan pada 16 Jun 2014 terhadap gerai haram di tepi kawasan rumah kedai di Bukit Segar yang berniaga pada waktu malam dan letak meja serta kerusi, mendapati penjaja telah tiada di lokasi. Pemantauan dari masa ke semasa akan dijalankan.

Makluman

2.52. PASU BUNGA PECAH DAN ROSAK

Kerja-kerja penyelenggaraan pasu bunga di Jalan Bukit Segar Jaya yang telah dilanggar dalam tindakan jabatan.

Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat

2.53. KERJA-KERJA PENUTUPAN LUBANG KOREKAN YANG TIDAK SEMPURNA

Kerja-kerja penurapan 'kerb to kerb' di Jalan Bukit Permai telah dilaksanakan oleh kontraktor pihak utiliti DIGI bagi menutup lubang setelah kerja korekan dijalankan.

Makluman

2.54. KEJADIAN TANAH RUNTUH

Kerja-kerja pembersihan tanah runtuh di Mutiara Court Taman Bukit Permai telah dijalankan bermula selepas kejadian hakisan pada 30 April 2014 dan siap dilaksanakan pada 15 Mei 2014. Bagi cadangan kerja-kerja penstabilan kekal ianya di dalam peringkat proses sebut harga.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

2.55. PERMOHONAN MENAIKTARAF PUSARA PERMAI AMPANG

Jabatan memaklumkan sesi taklimat dan lawatan tapak bagi menaiktaraf cerun, longkang dan jalan di Pusara Permai Ampang, Taman Bukit Teratai telah dijalankan pada 3 Julai 2014.

Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat

2.56. PERMOHONAN PENYELENGGARAAN SUNGAI SERING

Pihak JPS Gombak diminta untuk menyelenggara pokok-pokok yang terdapat di sungai Kg. Sungai Sering.

Tindakan:
JPS Gombak

2.57. PERMOHONAN PEMBAIKAN JALAN YANG ROSAK

Kerja-kerja pembaikan 'grating' jalan di Jalan Ukay Perdana yang telah rosak dalam tindakan pihak kontraktor.

Makluman

2.58. PERMOHONAN NAIKTARAF JALAN DI KAWASAN PERKUBURAN KG. KLANG GATE

Kerja-kerja menaiktaraf jalan di kawasan perkuburan Kg. Klang Gate dalam tindakan kontraktor.

Makluman

2.59. BAS DAN LORI MENGHALANG LALU LINTAS

Semakan jabatan mendapati bas yang diletakkan di tepi Jalan Persiaran 3 Pandan Jaya telah berpindah ke Jalan Pandan 1. Pihak jabatan telah mengeluarkan 20 tawaran kompaun kepada pemilik bas persiaran di bawah seksyen 46 (1)(8) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133). Pihak jabatan telah mengemukakan aduan kepada pihak SPAD pada 14 Mei 2014. Pihak SPAD telah mengeluarkan surat tunjuk sebab kepada pemilik-pemilik bas pada 26 Mei 2014.

Tindakan:
Jabatan Penguatkuasa

2.60. PAPAN TANDA NAMA JALAN ROSAK

Kerja-kerja pembaikan papan tanda nama jalan yang rosak di kawasan Pusat Bandar Pandan Jaya akan dilaksanakan secara berperingkat.

Makluman

2.61. PERMOHONAN PENGGANTIAN PENUTUP LONGKANG

Kerja-kerja penggantian / menaiktaraf penutup longkang besar di kawasan pasar malam Pandan Jaya (Di hadapan Public Bank dan Sen Heng) akan dilaksanakan dan dijangka siap pada bulan Ogos 2014.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

2.62. MASALAH ANJING LIAR

Operasi penangkapan telah dilaksanakan dan sebanyak 2 ekor anjing liar telah ditangkap di sekitar Jalan Pandan 9, Pandan Jaya. Tiada anjing liar di Jalan Pandan 5, Pandan Jaya semasa rondaan dibuat. Rondaan akan dijalankan secara berkala dari masa ke semasa.

Makluman

2.63. PENUTUP LONGKANG HILANG

Kerja-kerja pembaikan penutup longkang hilang di no. 11 Jalan Pandan 8/1 Pandan Jaya akan dilaksanakan dan dijangka siap pada bulan Ogos 2014.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

2.64. LONGKANG ROSAK

Kerja-kerja pembaikan longkang rosak di Jalan Bunga Matahari 3, Taman Maju Jaya Fasa 3 berhampiran dengan simpang Jalan Bunga Mawar telah dilaksanakan.

Makluman

2.65. PERMOHONAN PENURAPAN JALAN

Permohonan kerja-kerja turapan semula jalan di Jalan Pandan Indah 3/3A, Pandan Indah tidak dapat dilaksanakan disebabkan kawasan tersebut merupakan kawasan berstrata. Bahagian COB diminta untuk menyelaras perkara ini dengan pihak JMB di kawasan tersebut.

**Tindakan:
Bahagian COB**

2.66. PERMOHONAN PENURAPAN DAN PEMBAIKAN JALAN

Maklum balas kerja-kerja penurapan dan pembaikan jalan di lokasi-lokasi tersebut adalah seperti berikut:

- i. Kerja-kerja penampalan di Jalan H1 Taman Melawati Fasa 5 akan dilaksanakan pada 10 Julai 2014.
- ii. Kerja-kerja pembaikan di Jalan Melawati 6, Taman Melawati (berhampiran dengan pondok rukun tetangga dan Masjid Al Hidayah) telah dilaksanakan.

Makluman

2.67. ADUAN LONGKANG PECAH

Kerja-kerja pembaikan longkang pecah di lorong antara jalan di Jalan AU5C/3 dan AU5C/4 Taman Keramat dijangka siap pada bulan Ogos 2014.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

2.68. LONGKANG TIDAK DISELENGGARA

Tindakan pembersihan longkang di sekeliling Jalan AU5C/3 dan AU5C/4, Taman Keramat telah dilaksanakan pada 30 Jun 2014 dan 1 Julai 2014.

Makluman

2.69. PERMOHONAN BONGGOL

Jabatan memaklumkan permohonan pembinaan bonggol di lokasi-lokasi tersebut adalah seperti berikut:

- i. Kawasan letak kereta Flat Desa Lembah Permai Lembah Jaya (belakang blok 3 & 4 Desa Lembah Permai) di mana pihak Jabatan akan menjalankan semakan semula ke lokasi.
- ii. Di Jalan 8B, Kg Lembah Jaya Utara (hadapan pintu belakang Sek Rendah Agama Lembah Jaya), kerja-kerja akan dilaksanakan oleh pasukan 'road gang' MPAJ.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

2.70 PERMOHONAN MENGECAT SEMULA BONGGOL

Kerja-kerja mengecat semula bonggol dan semakan ketinggian bonggol di Jalan 6 Taman Dagang Jaya telah dilaksanakan.

Makluman

2.71. STATUS PADANG ANGKAT

Jabatan memaklumkan tiada maklumat di perolehi berkenaan status padang angkat di Sekolah Kebangsaan Lembah Jaya.

Makluman

2.72. PEMBAIKAN BUMBUNG DAN TANDAS DI DEWAN TASEK TAMBAHAN DAN DEWAN TAMAN SRI BARU

Kerja-kerja pembaikan bumbung bocor dan tandas di Dewan Tasek Tambahan dan Dewan Taman Sri Baru yang terlalu uzur dalam penyelarasan bersama pihak JKP.

Tindakan:
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

2.73. PEMBAIKAN PAGAR DEWAN

Jabatan memaklumkan akan menyemak semula permohonan kerja-kerja pembaikan pagar dan pembinaan penghalang banjir dari laluan masuk ke dalam dewan di Dewan JKKK Tasek Tambahan

Tindakan:
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

2.74. TAMAN BOTANI BUKIT INDAH

Kajian semula terhadap kawasan tempat letak kereta di Taman Botani Bukit Indah akan dijalankan dan mengadakan bonggol mengikut kesesuaian lokasi.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

2.75. PERMOHONAN PAGAR DI SEKELILING 'BUS STOP' DI BUKIT LANGAT

Jabatan memaklumkan akan memasang 'handrail' di kiri dan kanan di sekitar bus stop di Bukit Langat ke Taman Mulia Jaya yang terletak di atas monsoon drain.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

2.76. PROJEK PEMBANGUNAN JAJARAN SUKE

Sesi taklimat Jajaran Lebuhraya SUKE bersama YB dan Ahli Majlis kawasan diadakan pada 11 Julai 2014. Perkara ini diambilkira dalam program publisiti dan penyertaan awam Rancangan Tempatan (Pengubahan 2) 2020 yang sedang dalam tindakan.

Makluman

2.77. PERMOHONAN CANTASAN POKOK DI SEKITAR DEWAN JKP ZON 20

Kerja-kerja cantasan pokok di sekitar Dewan JKP Zon 20, Jalan Indah 20 Taman Cheras Indah dalam tindakan penyelenggaraan jabatan.

Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat

**2.78. KERJA-KERJA PENGUKUHAN CERUN DI SURAU AT TAQWA
TAMAN SAGA**

Pihak Jabatan sedang dalam proses penyediaan dokumen sebutharga untuk kerja-kerja pengukuhan cerun di Surau At Taqwa, Jalan Saga 2, Taman Saga Ampang.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

2.79. PERMOHONAN CANTASAN DAHAN POKOK

Jabatan dalam proses penyediaan spesifikasi kerja bagi kerja-kerja cantasan dahan-dahan pokok di jalan besar menghala ke Kg Cheras Baru di rezab Jalan Kuari dari hadapan Petronas hingga lampu isyarat Kg. Cheras Baru) yang membahayakan pengguna lalu lintas.

Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat

2.80. JALAN BERLUBANG

Jalan berlubang dan mohon dibaiki di Jalan Besar ke Kg Cheras Baru di bawah penyelenggaraan pihak JKR Hulu Langat.

Tindakan:
JKR Hulu Langat

2.81. PERMOHONAN PEMBAIKAN PEJABAT JKP

Kerja-kerja pembaikan dinding pejabat JKP Zon 24 yang telah dilanggar oleh kenderaan kontraktor akan dilaksanakan oleh Majlis.

Tindakan:
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

2.82. 'SHEET PILE' DI TEPI TAPAK THE MARKS

Pihak pemaju telah melaksanakan kerja-kerja pembaikan jalan dan longkang di sekeliling tapak The Marks yang telah rosak dan pecah.

Makluman

2.83. PERMOHONAN LAMPU DI PADANG PERMAINAN

Kerja-kerja pemasangan lampu jalan di padang permainan yang terletak di antara Pangsapuri Cengal dan Kempas telah dilaksanakan.

Makluman

2.84. PEMBAIKAN DI SELEKOH DI JALAN BUKIT SEGAR JAYA 1, TAMAN BUKIT SEGAR

Kerja-kerja pembaikan di selekoh di Jalan Bukit Segar Jaya 1, Taman Bukit Segar telah disyaratkan di dalam pembangunan pemaju Tetuan BHL Gemilang Sdn. Bhd. Pemantauan akan dilaksanakan berterusan.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

2.85. LONGKANG TIDAK DISELENGGARA

Kerja-kerja pembersihan sampah sarap di longkang di Jalan Bukit Segar Jaya telah dilaksanakan pada 3 Julai 2014 dan 21 Julai 2014.

Makluman

2.86. PERMOHONAN GELANGGANG BOLA KERANJANG

Berkenaan permohonan pembinaan gelanggang bola keranjang di kawasan lapang depan Danau Mas dan Vista Mas, pihak jabatan memaklumkan akan mengkaji kesesuaian tapak tersebut.

Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat

2.87. MASALAH ANJING LIAR DI TAMAN BUKIT SEGAR

Sebanyak 7 ekor anjing liar ditangkap pada 7 Julai 2014 di Pangsapuri Cemara, Cheras Hartamas. Semakan jabatan mendapati terdapat penduduk yang memberi makan dan tempat perlindungan anjing-anjing tersebut di Jalan BS2A, Bukit Segar.

Makluman

2.88. PERMOHONAN MEMBAIK PULIH GELANGGANG

Kerja-kerja membaik pulih gelanggang badminton dan takraw di Taman Cempaka Fasa 3 (belakang Dewan Taman Cempaka) dalam tindakan penyelenggaraan jabatan.

Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat

2.89. PERMOHONAN LAMPU LIMPAN DI TAPAK PERMAINAN KANAK-KANAK

Kerja-kerja pemasangan lampu limpan berhampiran tapak permainan kanak-kanak Taman Cempaka telah dilaksanakan.

Makluman

2.90. PERMOHONAN TEBANG POKOK

Jabatan akan mencantas 2 batang pokok yang tinggi dan merimbun di belakang Dewan Cempaka 2, Taman Cempaka.

Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat

2.91. PAPAN TANDA 'DILARANG MELETAK KENDERAAN'

Berhubung permohonan meletakkan papan tanda 'Dilarang Meletak Kenderaan' di hadapan simpang masuk ke Flat Sri Dagang belakang Galaxy Ampang, jabatan memaklumkan tiada keperluan untuk meletakkan papan tanda tersebut.

Makluman

2.92. PERMOHONAN KERJA PEMBAIKAN DAN PEMBESARAN LONGKANG

Kerja-kerja pembaikan dan pembesaran longkang di hadapan Sekolah Rendah Ong Pong sehingga ke longkang pasar Pekan Ampang dalam tindakan pihak kontraktor.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

2.93. PERMOHONAN TURAP JALAN

Kerja-kerja turapan jalan di persimpangan Jalan Putra Sulaiman (hadapan lampu isyarat–Curry King) dalam tindakan pihak kontraktor.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

2.94. PERMOHONAN PEMBAIKAN LONGKANG PECAH

Mesyuarat dimaklumkan tindakan yang telah diambil ke atas longkang pecah di kawasan Taman Melawati seperti berikut:

- i) Kerja- kerja dalam **tindakan kontraktor** bagi 2 lokasi berikut :-
- a) Longkang di belakang perumahan antara Jalan F-10 dan F-11
 - b) Longkang di hadapan padang bola Jalan Melawati sebelah Masjid Al-Mardhiyah
- ii) Masih dalam **kelulusan kerja** bagi lokasi berikut:-
- a) Longkang di belakang rumah No. 302, Jalan B-8
 - b) Longkang di belakang rumah No. 479, Jalan B-12
 - c) Longkang di belakang rumah No. 369, Jalan B-6
 - d) Longkang di belakang rumah di antara Jalan B-3 dan B-5
 - e) Longkang di belakang perumahan Jalan C-10

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

(Minit dipindahkan dari Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan Bil 5/2014 perkara 3.4.5)

2.95. PEMBAIKAN PENGHADANG JALAN (RAILING)

Permohonan pembaikan penghadang jalan (railing) di Jalan Melawati 3, di atas bukit antara K Klub, Taman Melawati dengan Sekolah Antarabangsa, Taman Melawati masih dalam kelulusan kerja - MPAJ.KEJ,PI 720-2/1/192/14.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

(Minit dipindahkan dari Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan Bil 5/2014 perkara 3.4.6)

2.96. PERMOHONAN PEMBAIKAN PENGHALANG JALAN (RAILING)

Permohonan penghalang jalan (railing) di 2 lokasi ini dibaiki :-

- a) Di bahagian longkang besar di tepi padang Taman Sri Watan
- b) Di sekitar Bandar Baru Ampang dibaiki atau dicat semula.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

(Minit dipindahkan dari Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan Bil 5/2014 perkara 4.3)

2.97. LAMPU TIDAK BERFUNGSI DI JALAN TERATAI 1/2, TAMAN BUKIT TERATAI

Lampu tidak berfungsi di Jalan Teratai 1/2, Taman Bukit Teratai.

**Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan**

(Minit dipindahkan dari Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin Bil 5/2014 perkara 4.9)

2.98. TEBING RUNTUH DI JALAN TERATAI 1/9D, TAMAN BUKIT TERATAI

Mohon tindakan segera diambil ke atas tebing runtuh di Jalan Teratai 1/9D, Taman Bukit Teratai. Aduan telah dibuat dan email dipanjangkan ke Jabatan Kejuruteraan.

**Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan**

(Minit dipindahkan dari Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin Bil 5/2014 perkara 4.10)

2.99. PENUTUP KONKRIT LONGKANG PECAH DI JALAN BUNGA MAWAR TAMAN MUDA (PASAR PAGI)

Beliau mohon tindakan segera diambil ke atas kerosakan penutup konkrit longkang di pintu masuk ke Pasar Pagi, Jalan Bunga Mawar, Taman Muda dan telah menyebabkan tayar sebuah lori telah memasuki ke dalam longkang tersebut.

**Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan**

(Minit dipindahkan dari Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin Bil 5/2014 perkara 4.13)

2.100. KENDERAAN DILETAKKAN DI ATAS JALAN DI HADAPAN KOPITIAM DI KAWASAN RUMAH KEDAI PANDAN PRIMA AMPANG

Pihak Jabatan Penguatkuasa telah mengeluarkan 13 tawaran kompaun kepada pemilik kereta yang telah meletakkan kereta menghalang lalu lintas. Jabatan Kejuruteraan diminta untuk menjalankan kajian untuk menyelesaikan isu ini.

(Minit dipindahkan dari Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan Bil 5/2014 perkara 3.11)

3.0 HAL-HAL LAIN**3.1 HAKISAN TANAH DI TEBING DANAU MAS CHERAS HARTAMAS**

Terdapat hakisan pada tebing Danau Mas Cheras Hartamas dan mohon tindakan segera diambil.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

3.2 PENYELENGGARAAN DI PERSIARAN CHERAS HARTAMAS

Kerja-kerja penyelenggaraan diperlukan di Persiaran Cheras Hartamas kerana terdapat semak samun dan tumbuh-tumbuhan yang telah menutupi tanda nama jalan.

Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

3.3 PENGGANTIAN PENUTUP BESI LONGKANG

Mohon kerja-kerja penggantian penutup besi longkang yang melintang jalan di hadapan pintu keluar masuk 'The Marks' kepada 'slab cement' kerana setiap kali kenderaan melalui kawasan tersebut bunyi kuat mengganggu penduduk sekitar terutamanya pada waktu malam.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

3.4 PENGGANTIAN PENUTUP BESI LONGKANG

Penutup besi longkang di hadapan Pangsapuri Kempas, Cheras Hartamas retak dan rosak. Mohon penggantian kepada 'slab cement'.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

3.5 KERJA-KERJA PELEBARAN KURANG SEMPURNA

Kerja-kerja pelebaran jalan di hadapan Jabatan Perhilitan, Cheras Hartamas kurang sempurna. Mohon jabatan untuk menyemak perkara ini dengan pihak DBKL.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

3.6 'SPEED BREAKER'

Permohonan 'speed breaker' di selekoh Jalan Bukit Segar Jaya (sebelum turun bukit) kerana sering berlaku kemalangan di kawasan tersebut.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

3.7 PERMOHONAN MENGGUNAKAN TAPAK KOSONG MAIS UNTUK GELANGGANG BOLA KERANJANG

Memohon untuk menggunakan tapak tanah kosong milik MAIS untuk dijadikan tapak gelanggang bola keranjang sementara memandangkan telah terdapat surau di kawasan tersebut.

Tindakan:
Jabatan Perancang Bandar

3.8 BATU REFLEKSOLOGI DI TAPAK PERMAINAN TAMAN BUKIT SEGAR

Batu refleksologi di tapak permainan Taman Bukit Segar, di tepi surau Al Amin dan Pangsapuri A1, Bukit Segar adalah terlalu tajam dan tidak boleh digunakan.

Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat

3.9 PERMOHONAN MENANGGALKAN PAPAN TANDA ZON HIJAU

Mohon jabatan untuk menanggalkan papan tanda Zon Hijau yang diletakkan di tapak.

Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat

3.10. PERMOHONAN PADANG CERGAS

Mohon sebuah padang cergas di tapak permainan di tepi surau Al Amin yang telah diminta oleh YB Dato Teng Chang Khum sempena ucapan beliau di Program Treasure Hunt Zon 24 pada 22 Jun 2014 yang lepas.

Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat

3.11. PERMOHONAN TURAPAN JALAN

Memohon kerja-kerja turapan jalan di bawah peruntukkan MARRIS dilaksanakan di Jalan 47 dan Jalan 48, Kg Cheras Baru.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

3.12. PERMOHONAN PEMBAIKAN JALAN

Mohon kerja-kerja pembaikan jalan di Jalan 20, Taman Kencana yang telah rosak.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

3.13. PERMOHONAN PEMASANGAN 'RAILING'

Mohon kerja-kerja pemasangan 'railing' di Jalan 49 , Kg Cheras Baru (Hadapan Glenview Villa Apartment)

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

3.14. STATUS TANAH DI JALAN 8/8 PANDAN PERDANA

Tanah di Jalan 8/8 Pandan Perdana telah dipagar oleh pihak Telekom. Mohon jabatan menyemak semula status tanah tersebut.

Tindakan:
Jabatan Perancang Bandar

3.15. PAIP PECAH

Mohon pihak Syabas menyemak kerja-kerja korekan paip pecah yang berlaku di Jalan 2/3 Bukit Permai kerana air telah memasuki rumah penduduk.

Tindakan:
SYABAS

3.16. PERMOHONAN KIPAS DI SURAU DI DEWAN CEMPAKA, TAMAN CEMPAKA

Mohon pihak jabatan untuk meletakkan kipas di dalam surau lelaki dan perempuan di Dewan Taman Cempaka dan menyediakan tempat mengambil wuduk di lokasi yang bersesuaian.

Tindakan:
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

3.17. PERMOHONAN MENAIKTARAF TAPAK PERMAINAN KANAK-KANAK

Mohon dinaiktaraf tapak permainan kanak-kanak di Flat Taman Dagang (belakang surau). Cadangan supaya dipasang lampu limpah dan tempat duduk.

Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat

3.18. PERMOHONAN TAMBAHAN LAMPU

Permohonan penambahan lampu jalan di Jalan Cahaya 15 di hujung jalan yang berhampiran pintu masuk ke Apartment Taman Cahaya.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

3.19. PENEANGAN DAN CANTASAN POKOK

Mohon kerja-kerja peneangan dan cantasan pokok di hadapan pagar Apartment Taman Cahaya yang telah menutup cahaya lampu jalan.

Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat

3.20. PADANG ROSAK DI JALAN F1 TAMAN MELAWATI

Mohon diselenggara padang rosak di Jalan F1 Taman Melawati. Kerosakan disebabkan kenderaan-kenderaan yang diletakkan di situ semasa sembahyang Jumaat. Terdapat juga lori yang masuk bagi kerja-kerja penyelenggaraan trek pejalan kaki.

Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat

3.21. PERMOHONAN TURAPAN JALAN

Memohon kerja-kerja turapan jalan dilaksanakan di lokasi-lokasi berikut:

- i. Di sekitar Flat Desa Lembah Permai
- ii. Di jalan Taman Dagang Jaya 8 (berhampiran Kg. Ampang Indah)

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

3.22. PERMOHONAN CANTASAN POKOK

Kerja-kerja cantasan pokok dilaksanakan di lokasi berikut:

- i. Di kiri dan kanan Jalan Putra, Ampang (berdekatan pasar raya Aeon Big)
- ii. Di Jalan Indah 9, Taman Bukit Indah
- iii. Di Jalan Besar Taman Bukit Indah

Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat

3.23. MASALAH ANJING LIAR

Permohonan supaya menangkap anjing liar di belakang Blok 4 Flat Desa Lembah Permai yang berbahaya kepada penduduk sekitar.

Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

3.24. PEMBAIKAN PAPAN TANDA JADUAL KUTIPAN SAMPAH

Papan tanda jadual kutipan sampah di persimpangan ke Taman Industri (hadapan gerai jual pisang) telah rosak dan mohon dibaiki.

Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

3.25. PERMOHONAN TIANG /GELANGGANG BOLA JARING

Mohon disediakan tiang/gelanggang bola jaring di Dataran MPAJ di Tasek Tambahan.

Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat

3.26. PERMOHONAN PENYELENGGARAAN MONSOON DRAIN

Mohon kerja-kerja penyelenggaraan monsoon drain berhampiran Masjid Al Aman Kg. Lembah Jaya Utara.

Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

3.27. KEROSAKAN LONGKANG

Terdapat kerosakan longkang di no. 12 Jalan Angin, Kuala Ampang. Longkang pecah dan air bertakung.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

3.28. BUMBUNG TERCABUT DI DEWAN RUMAH PANGSA TAMAN KERAMAT

Bumbung dewan rumah pangsa Taman Keramat telah tercabut dan diterbangkan angin. Mohon kerja-kerja pembaikan segera.

Tindakan:
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

3.29. PAPAN TANDA BONGGOL TERCABUT DAN JALAN ROSAK

Papan tanda bonggol tercabut di Taman Permata mohon dibaiki. Jalan rosak di Jalan Permata 3 dan 4 juga perlu diturap semula.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

3.30. PERMOHONAN PEMBERSIHAN RUMAH SAMPAH

Mohon pihak kontraktor sampah membersihkan kawasan rumah sampah di Flat Pandan Indah di Jalan 3/3 Pandan Indah kerana terlalu teruk dan sampah sarap bersepah seterusnya memburukkan pemandangan.

Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

3.31. PEMBAIKAN DEWAN ORANG RAMAI FLAT SRI INAI PANDAN INDAH

Pembaikan secara menyeluruh terhadap Dewan Orang Ramai di Flat Sri Inai Pandan Indah yang terlalu uzur.

Tindakan:

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta**3.32. GELANGGANG BADMINTON MOHON DIJADIKAN
GELANGGANG FUTSAL**

Mohon gelanggang badminton di Taman Maju Jaya Fasa 3 di Jalan B Matahari 2 Pandan Indah dijadikan gelanggang futsal untuk kegunaan anak-anak penduduk Taman Maju Jaya Fasa 3.

Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat

3.33. PERMOHONAN MENAIKTARAF GELANGGANG FUTSAL

Gelanggang futsal di Jalan Pandan Indah 4/16 mohon dinaiktaraf kepada gelanggang simen kerana gelanggang yang digunakan sekarang tidak sesuai kerana tidak rata dan becak apabila musim hujan.

Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat

**3.34. TANAH REZAB SUNGAI UNTUK DIJADIKAN KAWASAN TEMPAT
LETAK KERETA**

Pihak JPS diminta untuk menyemak sama ada tanah-tanah rezab sungai boleh dijadikan tempat letak kereta sementara atau sebaliknya.

Tindakan:
JPS Hulu Langat

3.35. PEMBAIKAN JARING GELANGGANG FUTSAL

Kerja-kerja pembaikan jaring gelanggang futsal yang telah rosak diperlukan di Gelanggang Anak Muda Pandan Jaya.

Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat

3.36. MASALAH ANJING LIAR

Masalah anjing liar di kawasan persekitaran Blok L34 dan L35 serta L7 dan L8 Pandan Jaya masih berterusan. Mohon tindakan susulan diambil.

Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

3.37. PERMOHONAN CANTASAN POKOK

Mohon kerja-kerja cantasan pokok yang terlalu rendah di Jalan pandan 4 (berhampiran PPAS Pandan Jaya)

Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat

3.38. JALAN MENDAP DI TAMAN ANGSANA HILIR

Aduan diterima terdapat satu bahagian jalan yang mendap di Jalan Hilir 5, Taman Angsana Hilir. Dikhuatiri keadaan membahayakan kepada pengguna jalan dan penduduk setempat.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

**3.39. KEPERLUAN PEMASANGAN 'GUARD RAILING' DI DI TAMAN
CHERAS INDAH**

Permohonan pemasangan 'guard railing' di hujung Jalan Indah 5 dan Jalan Indah 11, Taman Cheras Indah bagi mengelakkan kenderaan yang mungkin terbabas ke longkang besar di hujung kedua-dua jalan tersebut.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

**3.40. KONKRIT DITINGGALKAN DAN TAMBAKAN SEMULA KAWASAN
LANSKAP**

Terdapat konkrit yang ditinggalkan di tengah jalan dan mohon dipindahkan serta dibuat tambakan bagi kawasan lanskap di lampu isyarat Jalan Bunga Raya dan Jalan Bunga Mawar, Taman Muda.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

3.41. PERMOHONAN KERJA-KERJA MERATAKAN BAHU JALAN

Bahu jalan di Jalan Melati 8 Taman Muda mohon diratakan (leveling) semula kerana terdapat kereta telah terjatuh ke dalam longkang. Mohon juga 'guard rail' di kawasan tersebut.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

3.42. PEMBAIKAN GELANGGANG BOLA JARING

Permohonan pembaikan gelanggang bola jaring di Jalan Bunga Tanjung 4 Taman Muda.

Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat

3.43. HAKISAN DI RUMAH NO. 99 JALAN TERATAI 1/9E

Hakisan telah berlaku di rumah no 99 Jalan Teratai 1/9E Taman Bukit Teratai. Tiada lagi tindakan diambil oleh pihak JPS.

Tindakan:
JPS Hulu Langat

3.44. PERMOHONAN CANTASAN POKOK

Mohon kerja-kerja cantasan pokok di Jalan Bunga Melati 5, Taman Muda.

Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat

3.45. PERMOHONAN PEMASANGAN LAMPU

Permohonan pemasangan lampu di Masjid Kg. Kelang Gate/ Sekolah Agama KAFA Kg Klang Gate, Hulu Kelang.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

3.46. PEMBAIKAN LONGKANG PECAH

Pembaikan longkang pecah di Lorong Kancil, Kg Klang Gate berhampiran dengan Kompleks Gaya diperlukan.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

3.47. JALAN BERLOPAK

Jalan berlopak di Residensi Bestaria dan mohon dibaiki.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

3.48. PEMBAIKAN LAMPU JALAN

Lampu jalan di tanah Perkuburan Kg Kelang Gate, Hulu Kelang tidak menyala dan mohon dibaiki.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

3.49. PERMOHONAN PELEBARAN JALAN DI JALAN NUSA TROPIKA 1

Memohon pelebaran jalan di Jalan Nusa Tropika 1, Taman Ukay Bistari dilaksanakan.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

3.50. KERETA TERSADAI DI JALAN RUSA KG. KLANG GATE

Terdapat kereta lama dan tersadai dengan no pendaftaran WCF 8804 di Jaln Rusa, Kg Klang Gate mohon dialihkan.

Tindakan:
Jabatan Penguatkuasa

3.51. MONSOON DRAIN TIDAK DISELENGGARA

Monsoon drain tidak diselenggara berhampiran padang di Jalan F1, Taman Melawati, Hulu Kelang.

Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

4.0 PENUTUP

Mesyuarat Penuh Majlis adalah diminta untuk menimbangkan dan mengesahkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam.

Disediakan Oleh:
Bahagian Urusetia
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
20 Julai 2014

6.6.
LAPORAN MESYUARAT PUSAT SETEMPAT (OSC)
BIL.11/2014

MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC) BIL. 11/2014
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

Tarikh : 09 Julai 2014 (Rabu)
Masa : 9.30 Pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat 1
Aras 16, MPAJ

KEHADIRAN

1. Tn. Hj. Abd. Hamid B. Hussain - Pengerusi
Pemangku Yang DiPertua MPAJ
2. Tn. Johari B. Atli
Pemangku Setiausaha MPAJ
3. Tn. Haji Meor Rithuan B. Mahamed Said
Ahli Majlis
4. Tn. Ahmad Fauzi B. Mohd Kamis
Ahli Majlis
5. Tn. Lim Fong Len
Ahli Majlis
6. Tn. Supiramany A/L Sinnapayal P.P.N
Ahli Majlis
7. En. Mohd Zuwahir B. Wandu
Pej. Tanah & Daerah Gombak
8. En. Ahmad B. Muhamad Yusoff
Pejabat Tanah & Daerah Hulu Langat
9. Pn. Nen Farahana Bt. Ahmad Foad
Jabatan Perancang Bandar & Desa, Negeri Selangor
10. En. Tan Chai Oo
Jabatan Mineral & Geosains Selangor

11. Pn. Nurul Huda Bt Md Sainisi
Jabatan Kerja Raya Gombak
12. En. Faizad Amirul B. A. Razak
Jabatan Bomba & Penyelamat Negeri Selangor
13. Cik Nur Hanis Akmal Bt. Ahmad Fauzi
Jabatan Pengairan & Saliran Gombak
14. Pn. Nor Liza Bt. Yen
Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor
15. Cik Noor Syazwani Noor Sazali
Indah Water Konsortium (IWK)
16. En Mohd Fazizi B. Mohd Zaid
SYABAS
17. Pn. Rosfarina Bt. Zainon
SKMM Wilayah Tengah
18. Pn. Zuraina Bt. Said
Jabatan Perancang Bandar, MPAJ
19. En. Othman B. Idris
JabatanKejuruteraan, MPAJ
20. En. Ahmad Alhairi B. Mohamed Yusuf
Jabatan Bangunan & Senibina, MPAJ
21. En. Khairulazmi B. Abd Rahman
Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta, MPAJ
22. Pn Siti Raudah Bt. Idris
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan, MPAJ
23. Nur Izwan Hanafi Zaini
Jabatan Penguatkuasa

TURUT HADIR

1. En. Mohd. Azli B. Othman
Jabatan Perancang Bandar, MPAJ
2. Pn. Rohana Bt. Mohd Nor
Jabatan Perancang Bandar, MPAJ
3. En. Bahari B. Sulieman
Jabatan Perancang Bandar, MPAJ
4. Pn. Tg. Norhani Bt. Tg. Hamzah
Jabatan Perancang Bandar, MPAJ
5. En. Syed Noornekman B. Syed Abdullah
Jabatan Perancang Bandar, MPAJ
6. Pn. Ruziana Bt Leemon
Jabatan Perancang Bandar, MPAJ
7. En. Ahmad Zamri B. Ngadisari
Jabatan Perancang Bandar, MPAJ
8. En. Mohd Khairudin B. Muhamed
Jabatan Kejuruteraan, MPAJ
9. En. Mohd Fadzil B. Mohd Ishak
Jabatan Kejuruteraan, MPAJ
10. En. Jufri Wazir B. Abd. Talib
Jabatan Bangunan & Senibina, MPAJ
11. Pn. Maslinda Bt. Mohd Yusof
Jabatan Bangunan & Senibina, MPAJ
12. Pn. Noraziah Bt Abdul Aziz
Jabatan Bangunan & Senibina, MPAJ
13. En. Hasnol B. Abu Bakar
Jabatan Bangunan & Senibina, MPAJ

15. Mohd Neejat B. Mohd Tahir
Jabatan Bangunan & Senibina, MPAJ

TIDAK HADIR

1. Kumpulan IKRAM Sdn. Bhd.
2. Jabatan Kerja Raya Hulu Langat
3. PDRM (Daerah Ampang)
4. Jabatan Pengairan & Saliran Negeri Selangor
5. Jabatan Pengairan & Saliran Hulu Langat
6. TNB Distribution Sdn. Bhd.
7. POS Malaysia Berhad
8. Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)

URUS SETIA

1. Pn. Lily Hamaddah Bt. Ramle
Ketua Bahagian OSC
2. Pn. Rahah Bt. Jalaludin
Pen. Pegawai Senibina
Bahagian OSC
3. Pn. Rozitan Binti Razali
Pen. Jurutera
Bahagian OSC
4. Pn. Intan Azuana Bt. Haris
Pen. Pegawai Perancang Bandar
Bahagian OSC

**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL.05/2014**

LAPORAN JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC)

1. TUJUAN

Kertas ini bertujuan untuk pemakluman di Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC).

2. LATARBELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 11/2014 telah diadakan pada 09 Julai 2014 dan telah membincangkan serta memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

2.1 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

2.1.1 Satu (1) Permohonan Kebenaran Merancang yang pernah ditangguhkan dibincangkan semula dan diluluskan dengan syarat.

2.1.2 Satu (1) Permohonan Pelan Kerja Tanah dan Pelan Infrastruktur pernah ditangguhkan dibincangkan semula dan diluluskan dengan syarat.

2.1.3 Satu (1) Permohonan Pelan Bangunan pernah ditangguhkan dibincangkan semula dan telah ditangguhkan.

2.1.4 Satu (1) Permohonan Cadangan Alamat pernah ditangguhkan dibincangkan semula dan telah diluluskan.

2.2 PERMOHONAN SERENTAK

2.2.1 Satu (1) permohonan Serentak Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan bagi Encik Mohd Rafie bin Mohd Ali dan Puan Ramliza b Alias telah dikemukakan dan telah diluluskan dengan syarat.

2.2.2 Satu (1) permohonan Serentak Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan bagi Puan Adibah binti Kassim telah dikemukakan. Bagi permohonan Kebenaran Merancang telah diluluskan dengan syarat manakala permohonan Pelan Bangunan telah ditangguhkan.

2.3 PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG

Tiga (3) permohonan Kebenaran Merancang telah dikemukakan. Satu (1) permohonan tidak diluluskan, satu (1) permohonan telah diluluskan dengan syarat dan satu (1) permohonan telah ditangguhkan.

2.4 PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG (CADANGAN ALAMAT)

Satu (1) permohonan Kebenaran Merancang (Cadangan Alamat) telah dikemukakan dan diluluskan.

2.5 PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG (TUKAR GUNA)

Satu (1) permohonan Kebenaran Merancang (Tukar Guna) telah dikemukakan dan diluluskan dengan syarat.

2.6 PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG (PELBAGAI)

Empat (4) permohonan Kebenaran Merancang (Pelbagai) telah dikemukakan dan diluluskan dengan syarat.

2.7 PERMOHONAN PELAN KEJURUTERAAN

Satu (1) permohonan Pelan Kejuruteraan telah dikemukakan dan ditangguhkan.

2.8 PERMOHONAN PELAN INFRASTRUKTUR

Dua (2) permohonan Pelan Infrastruktur telah dikemukakan dan ditangguhkan.

2.9 PERMOHONAN PELAN KEJURUTERAAN (PELBAGAI)

Dua (2) permohonan Pelan Kejuruteraan (Pelbagai) telah dikemukakan dan diluluskan.

2.10 PERMOHONAN PELAN BANGUNAN

Empat (4) permohonan Pelan Bangunan telah dikemukakan. Tiga (3) permohonan telah diluluskan dengan syarat dan satu (1) permohonan telah ditangguhkan.

2.11 PERMOHONAN PELAN BANGUNAN (STRUKTUR TELEKOMUNIKASI)

Dua (2) permohonan Pelan Bangunan (Struktur Telekomunikasi) telah dikemukakan. Satu (1) permohonan telah diluluskan dengan syarat dan satu (1) permohonan telah ditolak.

2.12 PERMOHONAN PELAN BANGUNAN (PELBAGAI)

Satu (1) permohonan Pelan Bangunan (Pelbagai) telah dikemukakan dan telah diluluskan di Jabatan Bangunan dan Senibina dan telah dimaklumkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC.

2.13 HAL-HAL LAIN

2.13.1 Sebanyak 16 Permohonan Tambahan dan Pindaan (Ubahsuai) dan 14 permohonan Permit Pelbagai dan Permit Ubahsuai Dalaman telah diproses dan diluluskan. Perkara tersebut telah dimaklumkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 11/2014.

2.13.2 Sebanyak dua (2) Makluman Permohonan Pengecualian Pelan Kerja Tanah dan Infrastruktur telah diproses dan diluluskan. Perkara tersebut telah dimaklumkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 11/2014.

2.13.3 Sebanyak satu (1) Makluman Permohonan Pelan Landskap telah diproses dan diluluskan. Perkara tersebut telah dimaklumkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 11/2014.

3.0 PENUTUP

Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas kehadiran semua Ahli Jawatankuasa dan berharap keputusan yang telah dibuat dalam Mesyuarat Jawatankuasa ini adalah yang terbaik untuk semua pihak. Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.45 pagi.

*Disediakan Oleh:
Bahagian Urusetia
Pusat Khidmat Setempat Pembangunan (OSC)
Majlis Perbandaran Ampang Jaya*

6.7.
LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA
PUSAT SETEMPAT (OSC) BIL.12/2014

**MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC) BIL. 12/2014
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

Tarikh : 18 Julai 2014 (Jumaat)
Masa : 9.30 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat 1
Aras 16, MPAJ

KEHADIRAN

1. Tn. Hj. Abd. Hamid B. Hussain - Pengerusi
Pemangku Yang DiPertua MPAJ
2. Tn. Johari B. Atli
Pemangku Setiausaha MPAJ
3. Tn. Haji Meor Rithuan B. Mahamed Said
Ahli Majlis
4. Tn. Ahmad Fauzi B. Mohd Kamis
Ahli Majlis
5. Tn. Supiramany A/L Sinnapayal P.P.N
Ahli Majlis
6. En. Mohd Zuwahir B. Wandu
Pej. Tanah & Daerah Gombak
7. En. Ahmad B. Muhamad Yusoff
Pej. Tanah & Daerah Hulu Langat
8. Pn. Nen Farahana Bt. Ahmad Foad
Jabatan Perancang Bandar & Desa, Negeri Selangor
9. En. Tan Chai Oo
Jabatan Mineral & Geosains Selangor

10. En. Mohamad Zainal B. Saman
Jabatan Kerja Raya Gombak
11. En. Nik Mohd Dzarrin Ghifari
Jabatan Bomba & Penyelamat Negeri Selangor
12. Insp. Hafiza Bt. M. Nohaidin
PDRM (Daerah Ampang)
13. Cik Nur Hanis Akmal Bt. Ahmad Fauzi
Jabatan Pengairan & Saliran Gombak
14. Pn. Nor Liza Bt. Yen
Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor
15. Pn. Noor Izzati Bt. Abas
Indah Water Konsortium (IWK)
16. En. Mohd Fazizi B. Mohd Zaid
SYABAS
17. Pn. Asiah Bt. Borhan
SKMM Wilayah Tengah
18. Pn. Zuraina Bt. Said
Jabatan Perancang Bandar, MPAJ
19. En. Hasrolnizam B. Shaari
Jabatan Kejuruteraan, MPAJ
20. En. Ahmad Alhairi B. Mohamed Yusuf
Jabatan Bangunan & Senibina, MPAJ
21. En. Lokman Aiman B. Karjoo
Jabatan Undang-Undang, MPAJ
22. En. Khairulazmi B. Abd Rahman
Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta, MPAJ

23. Pn. Marlina Bt. Mokhtar
Jabatan Belia & Masyarakat
24. En. Azam B. Husni
Wakil Jabatan Penguatkuasa, MPAJ

TURUT HADIR

1. En. Mohd Azli B. Othman
Jabatan Perancang Bandar, MPAJ
2. En. Ahmad Zamri B. Ngadisari
Jabatan Perancang Bandar, MPAJ
3. En. Othman B. Idris
Jabatan Kejuruteraan, MPAJ
4. Pn. Norizam Bt. Ibrahim
Jabatan Kejuruteraan, MPAJ
5. En. M. Khairul Nizam B. M. Kamil
Jabatan Kejuruteraan, MPAJ
6. Pn. Safirah Bt. Saad
Jabatan Kejuruteraan, MPAJ
7. Pn. Maslinda Bt. Mohd Yusof
Jabatan Bangunan & Senibina
8. Pn. Noraziah Bt Abdul Aziz
Jabatan Bangunan & Senibina
9. Pn. Roziha Bt. Abd Aziz
Jabatan Bangunan & Senibina
10. En. Mohd Neezat B. Mohd Tahir
Jabatan Bangunan & Senibina

TIDAK HADIR

1. Tn. Lim Fong Leng, Ahli Majlis MPAJ
2. Kumpulan IKRAM Sdn Bhd
3. Jabatan Kerja Raya Hulu Langat
4. Jabatan Pengairan & Saliran Negeri Selangor
5. Jabatan Pengairan & Saliran Hulu Langat
6. POS Malaysia Berhad
7. TNB Distribution Sdn. Bhd.
8. Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)

URUS SETIA

1. Pn. Lily Hamaddah Bt. Ramle
Ketua Bahagian OSC
2. En. Mohd Hafiz B. Abd. Halim
Pen. Pegawai Perancang Bandar
Bahagian OSC
3. Pn. Suzana Bt. Moehamad Ali
Pen. Pegawai Senibina
Bahagian OSC
4. En. Muhammad Hanafi B. Othman
Pen. Jurutera
Bahagian OSC

**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL.05/2014**

LAPORAN JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC)

1. TUJUAN

Kertas ini bertujuan untuk pemakluman di Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC).

2. LATAR BELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 12/2014 telah diadakan pada 18 Julai 2014 dan telah membincangkan serta memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

2.1 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

2.1.1 Satu (1) Permohonan Serentak Pelan Infrastruktur dan Pelan Bangunan yang pernah ditangguhkan dibincangkan semula dan telah diluluskan.

2.1.2 Satu (1) Permohonan Kebenaran Merancang yang pernah ditangguhkan dibincangkan semula dan telah ditangguhkan.

2.1.3 Satu (1) Permohonan Pelan Kerja Tanah dan Pelan Infrastruktur pernah ditangguhkan dibincangkan semula dan telah ditangguhkan.

2.1.4 Satu (1) Permohonan Pelan Infrastruktur Jalan dan Perparitan pernah ditangguhkan dibincangkan semula dan ditangguhkan.

2.1.5 Dua (2) Permohonan Pelan Bangunan pernah ditangguhkan dibincangkan semula. Satu (1) permohonan dan telah diluluskan dengan syarat dan satu (1) permohonan ditangguhkan.

2.2 PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG

Tiga (3) permohonan Kebenaran Merancang telah dikemukakan. Dua (2) permohonan telah diluluskan dengan syarat dan satu (1) permohonan telah ditolak.

2.3 PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG (CADANGAN ALAMAT)

Lapan (8) permohonan Kebenaran Merancang (Cadangan Alamat) telah dikemukakan. Tujuh (7) permohonan telah diluluskan dengan syarat dan satu (1) permohonan telah ditolak.

2.4 PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG (TUKAR GUNA)

Satu (1) permohonan Kebenaran Merancang (Tukar Guna) telah dikemukakan dan diluluskan dengan syarat.

2.5 PERMOHONAN PELAN KERJA TANAH

Satu (1) permohonan Pelan Kerja Tanah telah dikemukakan dan ditangguhkan.

2.6 PERMOHONAN PELAN INFRASTRUKTUR

Satu (1) permohonan Pelan Infrastruktur telah dikemukakan dan ditangguhkan.

2.7 PERMOHONAN PELAN BANGUNAN

Empat (4) permohonan Pelan Bangunan telah dikemukakan. Dua (2) permohonan telah diluluskan dan satu (2) permohonan telah diluluskan dengan syarat.

2.8 HAL-HAL LAIN

2.8.1 Sebanyak Dua (2) Permohonan Pelan Bangunan diproses dan telah dibatalkan. Perkara tersebut telah dimaklumkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 12/2014.

2.8.2 Sebanyak 4 Permohonan Tambahan dan Pindaan (Ubahsuai) dan 13 permohonan Permit Pelbagai dan Permit Ubahsuai Dalamann telah diproses dan diluluskan. Perkara tersebut telah dimaklumkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 12/2014.

2.8.3 Sebanyak satu (1) Makluman Permohonan Pengecualian Pelan Kerja Tanah dan Infrastruktur telah diproses dan diluluskan. Perkara tersebut telah dimaklumkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 12/2014.

2.8.4 Sebanyak satu (1) Makluman Permohonan Pelan Lampu Jalan telah diproses dan diluluskan. Perkara tersebut telah dimaklumkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 12/2014.

3.0 PENUTUP

Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas kehadiran semua Ahli Jawatankuasa dan berharap keputusan yang telah dibuat dalam Mesyuarat Jawatankuasa ini adalah yang terbaik untuk semua pihak. Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.30 pagi.

*Disediakan Oleh:
Bahagian Urusetia
Pusat Khidmat Setempat Pembangunan (OSC)
Majlis Perbandaran Ampang Jaya*